



TEMUBUAL SEJARAH LISAN MENGENAI SEJARAH KAMPUNG JAWA

SEGAMAT JOHOR

BERSAMA ENCIK HAJI HASSAN BIN HAJI SITAM

DISEDIAKAN OLEH:

NOOR AMALINA BINTI MOHD IDRUS

SAIDATUL AMERA BINTI AYUB

PROJEK DIMAJUKAN KEPADA:

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, CAWANGAN JOHOR, KAMPUS SEGAMAT

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS

DOKUMENTASI SEJARAH LISAN – IMR 604

SEMESTER 05 (SEPT 2017 – JAN 2018)

Temubual Sejarah Lisan Mengenai Sejarah Kampung Jawa Segamat Johor

Bersama Encik Haji Hassan Bin Haji Sitam

Disediakan Oleh:

Noor Amalina Binti Mohd Idrus

Saidatul Amera Binti Ayub

Projek Dimajukan Kepada:

Fakulti Pengurusan Maklumat

Universiti Teknologi Mara, Kampus Segamat, Johor

Bagi Memenuhi Keperluan Kursus

Dokumentasi Sejarah Lisan – IMR 604

Semester 05 – (Sept 2017 – Jan 2018)



ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	
ABSTRAK	
Pengenalan.....	1 - 4
Transkrip.....	5 - 62
Log Wawancara.....	63 - 69
Biodata Tokoh.....	70
Biodata Penemubual.....	71- 72
Senarai Soalan Wawancara	73- 81
Ralat.....	82
Senarai Rujukan.....	83
Nama Singkatan.....	84 - 85
Lampiran.....	86- 92
Indeks.....	93- 94



PENGHARGAAN



Terlebih dahulu kami ingin memanjatkan rasa kesyukuran yang tidak berbelah bahagi kehadiran Ilahi dengan izin limpah kurnia serta rahmatnya kami dapat menyelesaikan tugas wawancara yang diberikan di mana kami telah terpanggil untuk menemebual seorang individu yang telah banyak memberi kerjasama yang baik sepanjang kami melakukan wawancara dan seorang yang telah banyak memainkan peranan beliau sebagai Ketua Kampung Jawa Segamat Johor iaitu Encik Haji Hassan Bin Haji Sitam di kediaman Lot 5008, Jalan Sulaiman, Kg. Logah, 85000 Segamat Johor.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah kami iaitu Encik Mohd Zul-Azmi Bin Ishak di atas kehadiran diri beliau yang banyak memberi pertolongan dan tunjuk ajar serta panduan yang bermanfaat yang telah di curahkan kepada kami bagi memastikan tugas kami memenuhi kehendak projek kursus. Beliau merupakan tenaga pengajar iaitu pensyarah bagi kod kursus IMR 604 – Dokumentasi Sejarah Lisan yang banyak memainkan peranan dalam membantu kami. Tanpa pengawasan dan juga bimbingan dari pihak beliau, kami pasti berhadapan dengan pelbagai masalah dan tentu begitu sukar untuk kami menyiapkan tugas ini dengan sempurna.

Terakhir, tidak dilupakan juga ucapan jutaan terima kasih kepada pihak yang telah ditemu ramah, Encik Haji Hassan Bin Haji Sitam. Beliau merupakan ketua kampung Jawa dan seorang banyak menyumbangkan jasa beliau dalam pembangunan Kampung Jawa. Terima kasih diucapkan diatas kesudian beliau untuk meluangkan masa dan memberikan kerjasama kepada pihak kami. Kerjasama yang diberi oleh beliau sangat memberi impak yang positif kepada kami di mana ia memudahkan kami untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan.

Sekalung penghargaan juga dari kami buat rakan-rakan seperjuangan, keluarga serta mana mana pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberi sokongan serta galakan untuk kami berdua dalam menyelesaikan tugas ini.

Sekian, Terima Kasih



ABSTRAK

Kampung Jawa adalah sebuah kampung yang pernah diduduki oleh orang Jawa pada suatu ketika dulu sehingga ke hari ini masih mempunyai beberapa orang Jawa di kampung tersebut. Nama Kampung Jawa diberi, atas sempena nama Hj Ahmad Maryani yang merupakan keluarga awal membuka tanah disini dan sebagai ketua kampung pertama. Perlantikan ini disahkan Kerajaan Negeri Johor dengan panggilan penghulu Hj.Ahmad Maryani. Kampung ini dianggarkan terdapat 100 buah rumah pada awal kedatangan orang Jawa ketika itu. Pekerjaan penduduk kampung ini ialah pengusaha warung, kedai- kedai makan, kedai runcit, ada sebagai pekebun kecil yang mengusahakan ladang getah atau mengambil upah dan lain-lain. Kampung Jawa mempunyai keistimewaan yang tersendiri iaitu di Kampung Jawa terdapat sebuah tempat makan yang sangat terkenal iaitu Warung Soto Wageh (Hj Kemat) yang sangat sedap di kawasan Segamat yang diusahakan oleh Hj Kemat, perniagaan itu telah uruskan oleh Hj Kemat hinggalah ke cucunya hari ini iaitu generasi yang ketiga.

Kata kunci: Kampung Jawa, keistimewaan, Warung Soto Wageh (Hj Kemat)



PENGENALAN



PENGENALAN

OBJEKTIF:

1. Untuk mengumpul dan mendapatkan fakta serta maklumat mengenai sejarah Kampung Jawa Segamat melalui temubual yang dijalankan bersama Encik Haji Hassan Bin Haji Sitam.
2. Untuk mengetahui keunikan dan keistimewaan Kampung Jawa.
3. Untuk dijadikan sebagai rujukan kepada semua generasi dan para pengkaji pada masa akan datang.
4. Untuk dijadikan sebagai satu pengalaman dan bukti mengenai fakta-fakta asal usul Kampung Jawa.

KAEDAH:

Kaedah yang telah kami gunakan untuk menyelesaikan projek ini adalah dengan cara melakukan temubual. Bermula dengan melakukan pencarian melalui internet dan mini pencarian kampung di daerah Segamat untuk mengetahui siapa ketua kampung di kampung tersebut dan dengan siapa yang boleh dihubungi. Setelah selesai melakukan mini pencarian sesi temubual bermula iaitu dengan melakukan temubual pertama untuk mendapat maklumat tentang sejarah kampung tersebut. Setelah temubual pertama dilakukan, proses untuk menyelesaikan soalan untuk di temubual. Kemudiannya, temubual kedua dilakukan selama dua (2) jam dengan merekod sesi temubual tersebut.



Sejarah Segamat

Pada kurun ke 16 Masihi, Sultan Ahmad dan pengikut-pengikutnya telah meninggalkan Melaka kerana diserang oleh pihak Portugis lalu bertapak di Pagoh. Setelah diserang di Pagoh mereka telah berundur dengan tujuan ke Penarikan dan kemudiannya ke hilir Pahang. Dalam perjalanan, ke Penarikan di pertengahan jalan, di tepi lubok sungai, di seponon kayu besar, Datuk Bendahara Paduka Tuan duduk bersandar di banir kayu menghadap lubuk yang dihadapannya. Sultan Ahmad dan Ayahandanya tidak jauh dari situ, mereka bersama-sama berhenti penat dan berehat selama dua hari.

Sambil duduk, Datuk Bendahara melempar-lempar tangan membuang kebas lalu tercapai olehnya seketul batu lalu ditimang-timangnya. Sambil mukannya berkedut kesal, dirinya berkata "Dahaga rasanya aku, ambilkan air barang seteguk di sungai itu". Sambil berkata ia memandang Selamat Gagah. Selamat Gagah faham bahawa yang dimaksudkan ialah supaya mengambil air sungai lalu dicarikanya upih lalu dibuatnya temika. Kemudian diveduknya air hingga penuh lalu diberkan kepada Datuk Bendahara. Sambil tangannya menyambut temika air, batu di tangan dilontar ke lubok sungai, katanya di dalam hati". Kalau timbul batu itu, baliklah aku ke Melaka." Mendengarkan kata Datuk Bendahara demikian Sultan Ahmad menoleh Datuk Bendahara dengan pandangan yang bererti, tetapi Sultan tidak mengeluarkan sepatah kata pun.

Air di temika diminum sepuas-puasnya oleh Datuk Bendahara, air itu jernih lagi sejuk. "SEGAR AMAT ku rasa badan ini, sungguh lazat diminum, apakah nama sungai ini Selamat?" "Tidak hamba ketahui, kerana baru sekali ini bersua," "Ya, Segar Amat, ku rasa seolah-olah tenangku pulih semula." Kata Datuk Bendahara. "Ya, Segar Amat sungai ini jika airnya di minum." Kata mereka serentak yang meneguknya. "Ya, Segar Amat." Demikian mulakan Segamat bernama Segamat, sehingga datang sekarang disebut orang.

Buyong Adil di dalam bukunya Sejarah Alam Melayu Penggal V menulis bahawa Segmat adalah sebuah negeri daripada 9 buah negeri yang dikatakan Negeri Sembilan hasil daripada peristiwa di atas. Martin Lister, British Resident Negeri Sembilan pada tahun 1896 – 1897 juga telah menyebutkan Segamat adalah sebuah daripada negeri yang dikatakan Negeri Sembilan masa dahulu yang dikuasai oleh Temenggong Abd. Rahman dan melantik Temenggong Konit untuk menntadbirkan Segamat/Muar mulai tahun 1801.



Kampung Jawa



Diberitakan sejarah Kg. Jawa bermula diawal tahun 1890an apabila beberapa orang Jawa yang kaya telah berhijrah dan membeli beberapa bidang tanah tepi jalan bekas kebun ubi dan keladi milik orang-orang Melayu asal dari Kg. Lubuk Batu. Tanah dan kawasan disini dahulunya dipanggil JANUM. Kemudian datang lagi beberapa keluarga orang Jawa dari Jementah dan Batu Pahat, mereka teroka tanah sendiri tanah hutan disini jauh kedalam menjadikan orang-orang Jawa bertambah ramai dan mereka menamakan tempat ini KAMPUNG JAWA, mereka melantik Hj Ahmad Maryani keluarga awal membuka tanah disini sebagai ketua kampung pertama. Perlantikan ini disahkan Kerajaan Negeri Johor dengan panggilan PENGHULU HJ AHMAD MERIYANI.

Kampung ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri yang boleh menarik orang luar untuk datang di Kampung Jawa kerana kawasannya agak strategik dan mempunyai keluasan kampung yang sangat luas kerana Kampung Jawa juga merupakan antara kampung yang mempunyai taman perumahan di dalamnya iaitu "Kampung dalam taman". Kampung ini pada masa berpopulasi penduduk Melayu, Cina, India. Orang melayu dianggarkan dalam 60%, orang Cina



dianggarkan 35% dan orang India dalam orang India 5% sahaja. Kampung Jawa ini juga berdekatan dengan Felda Medoi dan juga Kampung Abdullah.

Terdapat juga anak jati di Kampung Jawa telah berjaya dilahirkan dan dikenali oleh orang ramai diantaranya Dato' Haji Ahmad Sujia Bin Haji Bon iaitu pegawai pemerintah yang bertempat di Butterworth dan juga Encik Jamal Bin Osman merupakan mantan Ketua Pengarah SIRIM.

Selain itu, di Kampung Jawa juga terdapat satu masjid yang tersergam indah yang berlokasi di hadapan jalan masuk ke Kampung Jawa iaitu Masjid Jannatul Firdaus yang telah dirasmikan oleh Tengku Ismail Ibrahim Tengku Mahkota Johor yang mewakilinya DYMM Sultan Johor iaitu pada hari Jumaat 24 Februari 2012. Masjid ini dibina bagi menggantikan masjid lama yang telah uzur dan tidak selamat digunakan lagi. Menariknya masjid ini dibina mengikut senibina masjid di negeri Johor yang sinonim dengan warna kubah atau bumbung berwarna biru. Reka bentuk kononial di adun dengan senibina Timur Tengah. Menariknya lagi, tapak masjid ini merupakan tanah yang wakafkan oleh Tok Penghulu Allahyarham Haji Ahmad Bin Meriyani yang merupakan Ketua Kampung yang pertama dan merupakan individu yang membuka Kampung Jawa ini.

Kampung Jawa ini juga mempunyai rumah tradisional yang dipanggil sebagai Rumah Tradisi iaitu Rumah Tradisi Johor dan Rumah Tradisi Jawa ia masih digunakan sehingga sekarang dan menjadi salah satu keistimewaan dan keunikan Kampung Jawa itu sendiri.



TRANSKRIP



TRANSKRIP

Rakaman dimulakan.

Berikut adalah rakaman wawancara sejarah lisan mengenai sejarah Kampung Jawa. Bersama kami pada waktu ini seorang individu yang merupakan Ketua Kampung Jawa yang ke tujuh (7) iaitu Encik Haji Hassan Bin Haji Sitam. Beliau adalah antara individu yang lebih mengetahui maklumat mengenai Kampung Jawa. Wawancara ini telah dijalankan untuk mendapatkan maklumat berkenaan sejarah Kampung Jawa. Rakaman ini dikendalikan di alamat rumah Lot 5008, Jalan Sulaiman, Kampung Logah, 85000 Segamat Johor. Pada 6 Disember 2017, jam 3.33 petang. Wawancara ini telah dikendalikan oleh saya Saidatul Amera Binti Ayub dan sahabat saya Noor Amalina Binti Mohd Idrus. Dengan ini, saya Saidatul Amera Binti Ayub memulakan wawancara tersebut bersama Encik Hassan Bin Haji Sitam. Wawancara dimulakan.

Saidatul Amera: Assalamualaikum Encik.

Tok Hassan: Waalaikumusalamwarahmatullahitaalawabarakatu.

Saidatul Amera: Boleh saya tahu nama penuh Encik?

Tok Hassan: Saya, Haji Hassan Bin Haji Sitam.

Saidatul Amera: Adakah Encik mempunyai apa-apa gelaran?

Tok Hassan: Ada, Tok Hassan.

Saidatul Amera: Bolehkah kami menggunakan gelaran ini semasa sesi temubual dijalankan?

Tok Hassan: InsyaAllah [dengan izin Allah], boleh.



Saidatul Amera: Berapakah umur Tok sekarang?

Tok Hassan: Enam puluh lapan (68) tahun.

Saidatul Amera: Bilakah tarikh lahir Tok?

Tok Hassan: Dua belas haribulan dua seribu sembilan ratus empat puluh sembilan (12/2/1949).

Saidatul Amera: Dimanakah (bunyi pen) tempat kelahiran Tok?

Tok Hassan: Daerah Batu Pahat.

Saidatul Amera: Adakah Tok merupakan anak jati kampung ini?

Tok Hassan: Tidak.

Saidatul Amera: Bilakah Tok mula berpindah ke sini?

Tok Hassan: (berfikir) Dua empat haribulan lapan sembilan belas enam puluh tujuh. (24/8/1967).

Saidatul Amera: Apakah aktiviti yang Tok lakukan di waktu lapang?

Tok Hassan: Membuat ziarah ke kawasan perumahan, kampung dan juga ke kebun.



Saidatul Amera: Aa sudah berapa lama Tok menetap disini?

Tok Hassan: Empat puluh (40) tahun.

Saidatul Amera: Adakah terdapat sebarang perubahan sejak Tok menetap disini?

Tok Hassan: Alhamdulillah [bersyukur], perbezaan itu adalah amat besar.

Saidatul Amera: Bagaimanakah keadaan kampung ini semasa Tok baru berpindah kesini?

Tok Hassan: Keadaan kampung semasa saya mula datang ke Kampung Jawa itu adalah tidaklah begitu aaa maju sebagai mana yang sedia pada hari ini. Dan keadaan itu masyarakat kampung ketika itu masih lagi banyak aaa mempercayai perkara-perkara yang menyalahi hukum-hukum agama.

Saidatul Amera: Beralih kepada berkenaan keluarga. (bunyi batuk) Bolehkah Tok ceritakan serba sedikit latar belakang keluarga Atok?

Tok Hassan: Saya adalah anak yang ke empat (4) daripada sepuluh (10) orang adik-beradik. Daripada ayah saya Haji Sitam Bin Haji Long dan ibu saya Hajjah Fatimah Binti Haji Mahadi. Yang mana adik beradik saya adalah dua (2) adalah meninggal ...ketika kecil-kecil aaa yang ada tinggal lapan (8) orang empat (4) lelaki empat (4) perempuan. Saya adalah anak yang, lelaki yang ke dua (2) dan anak yang ke empat (4) daripada adik beradik yang 8 orang itu. (bunyi kertas diselak)

Saidatul Amera: Adakah ibu dan bapa Tok merupakan anak jati kampung ini?

Tok Hassan: Tidak.



Saidatul Amera: Adakah ibubapa Tok tinggal sekali atau berjauhan?

Tok Hassan: Berjauhan. Aa iaini berada di daerah Batu Pahat.

Saidatul Amera: Adakah adik-beradik Tok tinggal di kampung ini ataupun berjauhan?

Tok Hassan: Berjauhan. Yang mana adik-beradik saya ada yang di Batu Pahat, ada di Kota Tinggi dan ada juga di Pontian.

Saidatul Amera: Apakah pekerjaan yang mereka lakukan sekarang?

Tok Hassan: Ada yang menjawat jawatan awam dan juga ada yang bekerja dengan pihak swasta.

Saidatul Amera: Soalan seterusnya, apakah nama isteri Tok?

Tok Hassan: Hajjah Ton Binti Haji Selamat.

Saidatul Amera: Berapakah umur beliau?

Tok Hassan: (bunyi kertas) Enam puluh dua (62) tahun.

Saidatul Amera: Bolehkah Tok ceritakan serba sedikit tentang isteri Tok?

Tok Hassan: (berfikir) Beliau adalah anak yang ke empat (4) daripada tujuh (7) orang adik-beradik. Yang mana isteri saya mempunyai dua (2) orang adik-beradik lelaki iaitu abang dan satu (1) orang kakak dan dua (2) adiknya.



Saidatul Amera: Tok mempunyai berapa orang anak?

Tok Hassan: Lima (5) orang.

Saidatul Amera: Berapa orang lelaki dan perempuan?

Tok Hassan: Tiga (3) orang lelaki dan dua (2) perempuan.

Saidatul Amera: Bolehkah Tok ceritakan serba sedikit tentang latar belakang anak Tok?

Tok Hassan: Anak saya yang laki [lelaki] ketiga-tiganya bekerja dengan kerajaan negeri Johor. Di (bunyi kertas terkena meja). Yang pertama (1) bekerja aaa sebagai pemandu kepada Ketua Hakim Mahkamah Syariah Negeri Johor. Yang kedua (2), sebagai pemandu, pemandu kepada Pengarah Jabatan Agama, laini kurungan sekarang telah meninggal dunia ketika berusia empat puluh dua (42) tahun. Pada bulan september dua ribu enam belas (2016). (berfikir) Dan yang ketiganya (3), bekerja di Jabatan Agama juga sebagai buruh am dan juga dua (2) orang yang perempuan bekerja sebagai jururawat di Kementerian Kesihatan lah. Semuanya berada didalam negeri Johor. (bunyi berdehem)

Saidatul Amera: Yang kelima (5)? Anak yang kelima (5)?

Tok Hassan: Dua-dua. Yang perempuan dua-dua jawatan anu [itu] apa, jururawat.

Saidatul Amera: Adakah anak-anak Tok menetap di Kampung ini?

Tok Hassan: Tidak.



Saidatul Amera: Mereka menetap di mana?

Tok Hassan: Ada di Mersing, di Johor Bahru dan di Pontian.

Saidatul Amera: Seterusnya (bunyi kertas) berkenaan dengan pendidikan. Bolehkah Tok ceritakan bagaimana ibubapa Tok menerapkan pendidikan awal sejak kecil?

Tok Hassan: Beliau telah memberi pendidikan pada anaknya untuk bersekolah di sekolah kebangsaan dan juga di sekolah agama dan (berfikir) menghantar anak-anak kepada guru-guru agama untuk pendidikan (bunyi kertas) agamalah. Mengaji, dan sebagainya.

Saidatul Amera: Bolehkah Tok ceritakan latar belakang pendidikan Tok sejak kecil?

Tok Hassan: Saya hanya bersekolah kebangsaan daripada darjah satu sampai tamat darjah enam (6). Tetapi tidak dapat menyambung pelajaran ke peringkat menengah oleh sebab keadaan (berfikir) keluarga yang tidak mempunyai pendapatan yang mengizinkan untuk saya belajar dan juga memberi peluang dan wang kepada adik-adik saya untuk bersekolah.

Saidatul Amera: Pada tahun berapakah, Tok menamatkan pendidikan di sekolah rendah?

Tok Hassan: Pada tiga puluh satu Disember sembilan belas enam puluh satu (31/12/1961).

Saidatul Amera: Selepas tamat persekolahan, adakah Tok meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi?

Tok Hassan: Di sekolah menengah saya tidak meneruskanlah, tetapi di sekolah agama saya meneruskan sampai ke darjah khas. Kerajaan Johor lah.



Saidatul Amera: Seterusnya berkaitan dengan kerjaya. Apakah pekerjaan pertama yang Tok lakukan selepas tamat belajar?

Tok Hassan: Saya menorah getah, membantu kedua ibubapa dan mengambil upah kerja-kerja kampung.

Saidatul Amera: Bilakah Tok mula kerja sebagai guru?

Tok Hassan: Pada dua puluh haribulan Jun sembilan belas sembilan puluh enam. (20/6/1996)

Saidatul Amera: Apakah pengalaman Tok sebagai guru yang boleh dikongsi?

Tok Hassan: Pengalaman saya dalam bidang pendidikan nombor satu (1), yang pertama hendaklah kita sentiasa menunjukkan sikap tingkah laku, adab sopan, yang baik yang boleh dicontohi pada anak-anak didik dan juga masyarakat. Dan kita sentiasa bersifat berdisiplin yang ini menepati (bunyi barang diatas meja) masa dan juga arahan-arahan yang diberi oleh pihak yang berkenaan.

Saidatul Amera: Apakah jawatan tinggi yang pernah disandang dalam kerjaya?

Tok Hassan: Sebagai guru besar.

Saidatul Amera: (bunyi kertas diselak) Di sekolah mana tu (itu)?

Tok Hassan: Di sekolah, permulaan di Sekolah Agama Kampung Jawa. Kemudian di Sekolah Agama Buluh Kasap. Dan akhir sekali di Sekolah Agama Tenang ...Stesyen.



Saidatul Amera: Bilakah Tok tamat berkhidmat sebagai guru?

Tok Hassan: Pada dua belas haribulan dua, dua ribu lima (12 /2/ 2005).

Saidatul Amera: Beralih kepada kerjaya Tok sebagai Ketua Kampung. Bilakah Tok mula berkhidmat sebagai Ketua Kampung Jawa?

Tok Hassan: Pada tahun dua ribu sembilan (2009).

Saidatul Amera: Berapa lamakah Tok telah berkhidmat sebagai Ketua Kampung?

Tok Hassan: Lebih kurang lapan (8) tahun.

Saidatul Amera: (bunyi cicak) Berapa buah kampung dan taman dibawah jagaan Tok?

Tok Hassan: Dibawah jagaan saya ada empat (4) buah kampung, dan tiga puluh tujuh (37) taman.

Saidatul Amera: Sebelum menjadi Ketua Kampung adakah Tok memegang apa-apa jawatan dalam Jawatan Kuasa Kampung ini?

Tok Hassan: Ada sebagai jawatan kuasa, merangkap bendahari.

Saidatul Amera: Bagaimanakah Tok boleh dipilih sebagai Ketua Kampung?

Tok Hassan: Adalah dengan hajat, (bunyi angin) kehendak Tok Penghulu, mantan Ketua Kampung dan juga wakil rakyat, Tok [Datuk] Ayub, Tok [Datuk] Haji Ayub dan juga rakan-rakan.



Saidatul Amera: Untuk menyandang jawatan Ketua Kampung, adakah terdapat sebarang kelayakan yang perlu diambil kira?

Tok Hassan: Menepati sebagaimana yang dikehendaki oleh pihak kerajaan, iaitu tamat darjah enam (6) dan lulus darjah khas sekolah agama.

Saidatul Amera: (bunyi kertas) Tok merupakan Ketua Kampung yang keberapa untuk Kampung ini?

Tok Hassan: Yang ke tujuh (7).

Saidatul Amera: Adakah Tok bercita-cita menjadi Ketua Kampung?

Tok Hassan: Memang ada.

Saidatul Amera: Apakah yang menjadi faktor yang mendorong Tok untuk menjadi Ketua Kampung?

Tok Hassan: lalah dengan (berfikir) kehendak dan kemahuan Tok Penghulu, mantan Ketua Kampung, AJK kampung, wakil rakyat dan juga rakan-rakan.

Saidatul Amera: Adakah ahli keluarga Tok yang menjadi Ketua Kampung atau memegang apa-apa jawatan dalam jawatan kuasa kampung?

Tok Hassan: Tidak ada.



Saidatul Amera: Kebiasaannya, berapa lamakah tempoh bagi seseorang itu untuk memegang jawatan ataupun berkhidmat sebagai Ketua Kampung?

Tok Hassan: Bergantung kepada usia seseorang. Yang mana jawatan Ketua Kampung ini boleh berkhidmat sehingga berumur aa enam puluh sembilan (69) tahun.

(bunyi kertas)

Saidatul Amera: Bolehkah Tok ceritakan secara ringkas peranan yang dimainkan oleh Tok sebagai Ketua Kampung dan apa bidang kuasanya?

Tok Hassan: Peranan yang pihak saya juga jawatan kuasa, untuk mema, memajukan kampung ialah banyak memainkan peranannya sama ada program, program yang (bunyi meja) dilaksanakah kampung ini dibawah anjuran kerajaan atau NGO-NGO. Yang mana, (bunyi kertas) kalau saya tengok dikampung ni [ini] saya banyak membuat beberapa aktiviti. Dan juga banyak program-program yang dilaksanakah di Kampung Jawa, umpamanya macam aa dianjurkan oleh MERCY Malaysia. MERCY Malaysia, ada tiga (3) kali dan juga Hospital Pakar Johor Bahru KPJ dan juga Lembaga LPPKN.

Saidatul Amera: Adakah (SA, mencelah)

Tok Hassan: Kementerian Kesihatan. Dah (bunyi geseran meja) dua (2) tahun berturut-turut juga pihak SIECO. SIECO pun aa banyak (bunyi kertas dan bunyi burung) dan juga lain-lain program. (bunyi ayam) Sama ada di bawah pejabat daerah atau pun kesihatan, jab, pejabat kesihatan daerah atau pun badan-badan NGO (bunyi ayam dan bunyi burung) yang lain.

Saidatul Amera: Adakah Tok mengekalkan cara pentadbiran kampung seperti sebelumnya atau Tok ada melakukan sebarang perubahan? (bunyi ayam)

Tok Hassan: Apabila, apabila saya mengambil alih jawatan Ketua Kampung ini banyak perkara-perkara yang saya telah dan sedang melaksanakan bagi membangun dan memajukan kampung mengikut arus perdana. Bagaimana yang dikehendaki oleh pihak kerajaan yang dibawah naungan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (berfikir) dan Desa.



Saidatul Amera: Adakah Tok dibantu oleh penolong atau pun ahli jawatankuasa dalam melaksanakan tugas sebagai ketua kampung?

Tok Hassan: Dibantu oleh semua ahli jawatankuasa juga beberapa NGO dan pertubuhan-pertubuhan yang ada di kampung.

Saidatul Amera: Berapakah ahli jawatankuasa dibawah jagaan Tok?

Tok Hassan: Empat belas (14) orang.

Saidatul Amera: Apakah aktiviti dan program (bunyi kertas) yang sering dijalankan oleh kampung?

Tok Hassan: Aktiviti yang kerap diadakan ialah gotong-royong membersihkan masjid, surau, tanah perkuburan dan lain-lain lagi.

Saidatul Amera: Adakah aktiviti dan program yang dijalankan mendapat sokongan dan penglibatan yang menggalakkan daripada penduduk kampung?

Tok Hassan: Alhamdulillah [bersyukur], (bunyi kertas) program-program ni [ini] banyak dapat kerjasama daripada penduduk dibawah jagaan saya sama ada penduduk kampung atau pun taman.

Saidatul Amera: Adakah aa generasi muda terlibat dalam aktiviti yang dijalankan?

Tok Hassan: Ya, sebahagian besarnya aktiviti yang dijalankan itu ialah dapat kerjasama dari pihak aaa pemuda. ...laini daripada bidang belianya yang memberikan sokongan dan dorongan untuk bersama menjayakan satu-satu program di kampung.



Saidatul Amera: Seterusnya, ceritakan serba sedikit tentang pengalaman manis sepanjang memegang jawatan sebagai ketua kampung.

Tok Hassan: (berfikir) Semasa (bunyi meja) saya memegang jawatan ketua kampung mukim Sungai Segamat 1, mukim Sungai Segamat selama lapan (8) tahun yang berfalu ini saya telah mendapat kerjasama daripada Tok Penghulu kanan merangkap Penghulu mukim serta pejabat daerah dan juga jabatan-jabatan lain untuk memajukan kampung yang mana (bunyi kertas) dengan penglibatan saya untuk memainkan peranan bagi memberikan sesuatu perkara atau pun program yang ada di kampung Jawa ini sehinggalah saya telah dianugerahkan oleh pegawai daerah, surat penghargaan ketua kampung yang cemerlang pada tahun dua ribu tiga belas (2013), dua ribu dua belas (2012) oleh Yang Berbahagia Pegawai daerah Datuk Haji Abdul Razak Hassan dan sijil penghargaan juga dianugerah, dianugerahkan kepada saya pada dua ribu tiga belas (2013), oleh Pegawai daerah Yang Berbahagia Tuan Haji Rahim bin Nin.

Saidatul Amera: Bagaimana pula dengan kenangan pahit yang telah dilalui?

Tok Hassan: (berfikir) Yang pahit, kenangan pahit yang saya lalui ketika saya memegang jawatan ketua kampung, yang pertama sekali ialah berhubung dengan pembinaan tambatan (berfikir) yang bernilai dua puluh satu (21) juta. Iaitu membina saluran air daripada Sungai Segamat ke Sungai Genuang melalui Kampung Jawa, yang mendapat bantahan daripada penduduk-penduduk. Tapi walaumacam [walaubagai] mana pun perkara itu atas jasa, atas daya usaha saya dan juga pemimpin yang sebelah atas dapat meneruskan projek itu dan sampailah hari ni [ini] selesai terbinanya tambatan yang tersebut setahun yang lalu. Selain daripada itu juga, menghadapi bencana alam iaini banjir yang paling besar dalam sejarah daerah Segamat pada tahun dua ribu sebelas (2011) yang mana melibatkan dua (2) tempat pemindahan banjir ditenggelami air. Yang mana Kampung Jawa ni [ini] mempunyai empat (4) pusat pemindahan banjir. Terdiri yang pertama di Sekolah Agama Kampung Jawa, dua(2) di Sekolah Kebangsaan Kampung Jawa yang ketiga (3) Balai Islam Batu Tiga Kampung Jawa dan yang ke empat(4) balai raya Kampung Logah yang mana keseluruhan penduduk yang ...berpindah itu terdiri daripada orang-orang kampung dan juga taman. Lebih kurang, lebih daripada tiga ribu (3,000) dan tempat pemindahan banjir ini juga tidak dapat menampung. Sebahagiannya kita pindahkan ke Sekolah Tinggi Segamat di Seg Hwa (bunyi kertas) dan juga di Sekolah Agama Datuk Bentara.



Saidatul Amera: Seterusnya, soalan berkenaan dengan sejarah kampung. Bolehkan Tok menceritakan sejarah awal Kampung Jawa?

Tok Hassan: Kampung Jawa ini telah (bunyi kertas) dibuka oleh orang-orang Jawa seratus peratus (100%). Yang mana yang datang daripada negeri Jawa yang datang serta menetap disini.

Saidatul Amera: Pada tahun bilakah Kampung ini di wujudkan?

Tok Hassan: Kampung Jawa telah diwujudkan lebih kurang pada tahun awal empat puluhan (40) an.

Saidatul Amera: Siapakah yang bertanggungjawab dalam pembukaan kampung ini?

Tok Hassan: Kampung ini telah diteroka dan dibuka oleh beberapa keluarga orang Jawa yang diketuai oleh Encik Meriyani. (bunyi barang) Seterusnya Encik Meriyani ni [ini] dilantik oleh penduduk-penduduk setempat untuk memegang jawatan ketua kampung. Hinggalah oleh sebab kesungguhan beliau untuk meneroka kampung ini dan menjadi ketua kampung maka ada satu jalan yang terbaru dinamakan diabadikan dengan nama beliau iaini Jalan Meriyani sepanjang lebih kurang tiga point lima (3.5) KM.

Saidatul Amera: Mengapakah kampung ini dinamakah Kampung Jawa?

Tok Hassan: Kerana peneroka-penerokanya adalah orang Jawa. (bunyi meja)

Saidatul Amera: Siapakah yang memberikan nama Kampung Jawa?

Tok Hassan: (berfikir) Yang memberikan nama Kampung Jawa ini daripada kesepakatan penduduk-penduduk yang membuka kampung ini dengan nama keluarga (berfikir) Meriyani.



Saidatul Amera: Adakah kampung ini mempunyai nama lain selain Kampung Jawa?

Tok Hassan: Tidak ada.

Saidatul Amera: Adakah kampung ini ada menyimpan apa-apa sejarah atau mitos?

Tok Hassan: (berfikir) (bunyi kertas diselak) *Kampung ini mungkin ada menyimpan sejarah tapi [tetapi] saya tidak begitu dapat maklumat yang jelaslah, kerana orang-orang yang bersama meneroka atau pun generasi yang pertama ini banyak yang dah tak ada [tiada]. Jadi kita tak [tidak] dapat maklumat yang tepat melainkan beberapa maklumat yang dapat daripada keluarga-keluarga aa orang-orang yang meneroka kampung ni [ini].*

Saidatul Amera: Siapakah penduduk terawal Kampung Jawa?

Tok Hassan: Encik Meriyani.

Saidatul Amera: Pada awal pembukaan kampung ini, majoriti penduduk disini adalah berasal dari Jawa, Indonesia. Bagaimana orang Jawa datang ke sini pada ketika itu?

Tok Hassan: Orang-orang Indonesia daripada Jawa datang ke Malaya, masa itu sebut Malaya, sekarang Malaysia adalah dengan menaiki sampan atau pun tongkang. Ketika itu kapal takda [tiada]. Tongkang ehh... tongkang ni [ini] dia bawa sambil barang-barang perniagaan seperti rempah ratus, yaa kayu bakau yang terdapat daripada sanalah ke mari.

Saidatul Amera: Apakah tujuan orang Jawa datang kesini?

Tok Hassan: Tidak lain tidak bukan (bunyi kertas) ialah untuk yang pertama berhijrah daripada negara dia ke Malaya atau Malaysia, yang keduanya mengambil sunnah Rasulullah yang mana Islam menggalakkan umatnya berhijrah. Yang ketiganya aaa menerima...menerima me,menimba pengalaman untuk merantau dan membuka kawasan dan tempat kediaman dan juga ladang-ladang pertanian.



Saidatul Amera: Soalan seterusnya apakah kegiatan utama orang Jawa pada awal kedatangan kesini?

Tok Hassan: (berfikir) Kegiatan utama mereka yang, orang-orang Jawa ini datang ke Malaysia ialah membuka kebun dan bercucuk tanam.

Saidatul Amera: Berapakah anggaran bilangan orang Jawa pada awal pembukaan kampung ini?

Tok Hassan: Anggaran bilangan orang Jawa pada awal pembukaan ini lebih kuranglah seratus (100) keluarga. Itu pun dah makan beberapa tahun dah [sudah] eaa...maka dah [sudah] seratus (100). Termasuklah aaa dibantu oleh orang-orang yang ada di persekitaran kampung Jawa. Termasuk orang yang duduk atau bekerja diladang-ladang orang putih lah ehh. Dimana Kampung Jawa ini dikelilingi oleh aaa ladang dunlop [nama ladang] eaa.

Saidatul Amera: Berapa pula jumlah orang Jawa yang masih tinggal disini sehingga sekarang?

Tok Hassan: Pada dasarnya orang-orang Jawa yang meneroka Kampung Jawa ni [ini] pada ni [ini] dah [sudah] takda [tidak ada]. Semuanya dah [sudah] meninggal dunia. Yang hari ada sedikit generasi yang pertama dan generasi-generasi yang dibawahnya.

Saidatul Amera: Orang Jawa yang datang pada awal pembukaan Kampung Jawa beragama apa?

Tok Hassan: Semuanya beragama Islam.

(bunyi meja)

Saidatul Amera: Siapakah yang merasmikan pembukaan Kampung Jawa?

Tok Hassan: Pembukaan Kampung Jawa adalah diketuai aa oleh Encik Meriyani sendiri, yang mana beliau terus dilantik sebagai ketua kampung oleh pihak berkenaan iaini kerajaan.

(bunyi meja)



Saidatul Amera: Berapakah keluasan kampung ini, pada ketika awal pembukaan Kampung Jawa?

Tok Hassan: Kampung Jawa saja mempunyai keluasan tanah lebih kurang seribu lima ratus (1500) ekar.

Saidatul Amera: Adakah penduduk kampung terdiri daripada pelbagai bangsa ketika itu?

Tok Hassan: Tidak. Hanya orang Jawa dan beberapa orang lain.

Saidatul Amera: Kebanyakan penduduk beragama apa ketika itu?

Tok Hassan: Agama Islam.

Saidatul Amera: Siapakah senenarnya Encik Meriyani bin Warto? Bolehkan ceritakan serba (TH menyalah) sedikit?

Tok Hassan: Encik Meriyani ialah orang yang bertanggungjawab membuka kebun dan Kampung Jawa. Dan seterusnya beliau telah dilantik menjadi ketua kampung.

Saidatul Amera: Bolehkah Tok ceritakan serba sedikit latar belakang tentang beliau?

Tok Hassan: Saya tidak berapa dapat keterangan yang jelas tentang latar belakang Encik Meriyani ini. Tapi yang saya tahu Encik Meriyani ni [ini] adalah aa seorang yang bertanggungjawab membuka Kampung Jawa hinggalah diberikan kepercayaan untuk memberikan nama jalan atas nama beliau. Dan beliau juga ada (bunyi kertas) mempunyai dua (2) isteri dan beberapa anak.



Saidatul Amera: Encik Meriyani berasal dari mana?

Tok Hassan: Indonesia.

Saidatul Amera: Tahun bilakah beliau mula datang ke semenanjung?

Tok Hassan: Pada tahun seribu sembilan ratus empat puluh (1940) an.

Saidatul Amera: Bagaimanakah Encik Meriyani datang kesini dan mengapa beliau datang ke sini?

Tok Hassan: Beliau datang ke Malaysia ataupun ke Malaya pada ketika itu ialah sama ada menaiki perahu atau pun tongkang.

Saidatul Amera: Mengapakah beliau datang ke sini?

Tok Hassan: Tujuannya tak [tidak] lain tak [tidak] bukan ialah untuk yang pertama, memang nawaitu [niat] dia kerana nak berhijrah. Yang kedua, mencari pengalaman untuk merantau dan seterusnya menetap di sini serta membuka perkampungan yang dinamakan Kampung Jawa.

Saidatul Amera: Siapakah yang telah memberikan tanah kepada beliau untuk membuka kampung ini?

Tok Hassan: (berfikir) Yang memberi tanah kepada beliau dan penduduk-penduduk yang bersama-sama dengan beliau ialah dengan kerjasama Tok Penghulu, Pegawai Daerah dan Pegawai Takbir Tanah Daerah.



Saidatul Amera: Berapa lamakah beliau menjadi Ketua Kampung Jawa?

Tok Hassan: Lebih kurang hampir dua puluh (20) tahun. ...Tak [tidak] silap saya.

Saidatul Amera: Selain menjadi orang penting dalam pembukaan Kampung, apakah sumbangan Encik Meriyani?

Tok Hassan: Sum, sumbangan yang diutarakan oleh Encik Meriyani ialah (berfikir) membawa beberapa keluarga Jawa dan juga keluarga melayu, orang melayu untuk bersama-sama membuka tanah yang ada didalam Kampung Jawa.

Saidatul Amera: Apakah pembaharuan yang telah dilakukan oleh beliau di Kampung ini?

Tok Hassan: Kampung Jawa di bawah pengurusan dan pentadbiran (bunyi seretan kertas) Encik Meriyani telah memberikan satu impak iaitu kemajuan daripada tanah yang dipenuhi dengan semak samun ataupun hutan menjadi satu penempatan dengan bercucuk tanam bagi meyumbang pendapatan keluarga juga mengukuhkan ekonomi pada ketika itu. Dengan bercucuk ...tanam tanaman kontan dan tanam tahunan. Tanaman kontan, ubi keledek, ubi dan sebagainya. Tahunannya ialah disini (90) peratus adalah tanaman getah, dan (10) peratus adalah dusun. Ataupun, dalam istilah (bunyi burung) (7) peratus dusun (3) peratus sawah padi.

Saidatul Amera: Adakah ketika datang kesini Encik Meriyani telah mendirikan rumah tangga?

Tok Hassan: Ya, sudah.

Saidatul Amera: Siapakah nama isteri beliau?

Tok Hassan: (bunyi meja) Tak [tidak] dapat dipastikan namanya.



Saidatul Amera: Encik Meriyani mempunyai berapa orang waris?

Tok Hassan: Daripada isteri yang pertama (berfikir) kalau tak [tidak] silap saya ada enam (6). Daripada isteri yang ke dua (2) ada tiga (3).

Saidatul Amera: (bunyi kertas) Siapakah waris Encik Meriyani yang masih berada di kampung ini?

Tok Hassan: Haji Parman Bin Haji Taib. Iaini satu ibu no, no [bukan] (bunyi angin) ahh betul (bunyi kertas). Waris yang ada pada hari ini ialah seorang sahaja iaitu Haji Parman bin Haji Taib daripada isteri yang kedua (2) kepada Encik Meriyani.

Saidatul Amera: Siapakah yang memegang jawatan Ketua Kampung ini setelah ketiadaan Encik Meriyani?

Tok Hassan: Ketika itu dipegang oleh anaknya yang bernama Haji Ahmad bin Meriyani. Seterusnya dilantik untuk menjawat jawatan Tok Penghulu Mukim Sungai Segamat.

Saidatul Amera: Bolehkah ceritakan sedikit, secara ringkas tentang beliau? Haji Ahmad.

Tok Hassan: Haji Ahmad ialah anak yang pertama (bunyi meja) kepada Encik Meriyani yang mana diatas kegigihan dan kesungguhan beliau bersama dengan jawatan kuasanya membangunkan Kampung Jawa dan juga telah dilantik oleh pihak kerajaan untuk menjawat jawatan Tok Penghulu maka beliau telah dianugerahkan oleh pihak kerajaan Johor pingat jasa kerja P.J.K oleh Sultan Johor kerana mengenang jasa-jasa beliau sepanjang beliau memegang jawatan tersebut sehinggalah sampai beliau pencen atau tamat aa bersara daripada jawatan tersebut.



Saidatul Amera: Bilakah Haji Ahmad mula memegang jawatan sebagai Ketua Kampung?

Tok Hassan: Ini saya tak [tidak] berapa arif lah ehh dia punya, bila dia mula pegang tapi [tetapi] yang saya ingatlah, aaa dia tamat atau bersara daripada pegang jawatan penghulu mukim Sungai Segamat pada tahun seribu sembilan ratus tujuh puluh (1970)an.

Saidtul Amera: Berapa lamakah beliau memegang jawatan tersebut?

Tok Hassan: Lebih kurang antara sepuluh (10) hingga lima belas (15) tahun.

Saidatul Amera: Haji Ahmad telah dikurniakan pingat jasa oleh Sultan Johor untuk mengenang jasa dan baktinya. Adakah sehingga kini kampung ini sering dilawati oleh kerabat Johor?

Tok Hassan: Tidak. Hanya dua (2) kali yang pertama sebagai lawatan berbuka puasa dan kali yang ke dua (2) kerana merasmikan masjid Raudhatul Firdaus Kampung Jawa.

Saidatul Amera: Pada tahun bila tu [itu]?

Tok Hassan: (berfikir) Lawatan bulan puasa lebih kurang tahun (berfikir) dua ribu sepuluh (2010) dan merasmikan pembukaan masjid pada tahun dua ribu tiga belas (2013).

Rakaman diberhentikan seketika.

(bunyi angin)

Rakaman dimulakan semula.



Noor Amalina: Adakah kampung ini pernah dijajah?

Tok Hassan: Tidak.

Noor Amalina: Siapakah yang telah menjajah kampung ini?

Tok Hassan: Tidak ada.

Noor Amalina: Adakah dikampung ini masih ada kesan-kesan (bunyi kertas diselak) peninggalan daripada penjajahan?

Tok Hassan: Tidak ada.

Noor Amalina: Apakah tindakan yang diambil untuk memastikan keselamatan kampung dan penduduk kampung?

Tok Hassan: Masalah yang dihadapi oleh penduduk kampung pada ketika itu ialah dalam keadaan yang gelisah kerana penduduk kampung tidak dapat bebas untuk bergerak kerana ancaman komunis. Komunis masuk ke kampung pada waktu petang dan pada waktu malam. Dan selain daripada itu aa kerajaan mengambil satu keputusan yang mana penduduk-penduduk kampung ni [ini] yang ada, yang berada didalam kampung yang duduk berselerak ditempatkan di satu kawasan yang dinamakan kampung Jawa iaitu yang ada di persekitaran sekolah. Macam ada yang ada sediakala.

Noor Amalina: Kesan penjajahan komunis aaa adakah penduduk menghadapi masalah perkauman?

Tok Hassan: Tidak.



Noor Amalina: Okay (baiklah). Beralih kepada soalan banjir. Kampung ni [ini] sering dilanda banjir.

Tok Hassan: (mencelah) Ya.

Noor Amalina: Apakah faktor utama yang menyebabkan banjir di Kampung ini?

Tok Hassan: Faktor utama yang kampung ini di ...diserangi oleh banjir ialah kampung ini berada di tepi Sungai Segamat, sungai utama dan juga keadaan Kampung Jawa ini sebahagian besarnya ialah tanah rendah maka mudahlah berlakunya banjir. Berbanding dengan Kampung di seberang sungai kerana sana banyak bukit jadi air tu [itu] tolak ke kampung sini sebab itu sini banyak berlaku banjir. Banjir itu juga adalah biasa banjir yang air yang begitu deraslah.

Noor Amalina: Apakah kemudahan yang disediakan apabila berlakunya banjir?

Tok Hassan: Kemudahan yang disediakan utama sekali ialah pihak kerajaan telah menyediakan tem... pusat pemindahan banjir, kalau dulu hanya dua (2) tempat sahaja iaitu di sekolah kebangsaan, satu (1) je [sahaja] ehh sekolah kebangsaan, dan akhir ni [ini] sekolah agama ke sekolah agama, dan ditambah lagi oleh sebab kerapnya banjir dengan penduduk yang begitu ramai dan dicampur dengan beberapa taman. Jadi dibuka lagi (bunyi kertas) balai Islam Batu 3, Kampung Jawa dewan (bunyi geseran meja) Kampung Logah. ...Berbalik jumlah pusat pemindahan banjir adalah empat (4) tempat.

(Suara azan Asar.)

Rakaman diberhentikan seketika (bagi menghormati azan asar)

(bunyi meja) Rakaman dimulakan semula



Noor Amalina: Seperti yang Tok nyatakan tadi tentang kemudahan yang disediakan aa apabila berlakunya banjir. (bunyi kertas) Berikan cerita lebih lanjut, tentang kemudahan yang disediakan?

Tok Hassan: Kemudahan yang disediakan oleh pihak (bunyi burung) berkenaan di pusat pemulihan banjir ialah dari segi tempat (bunyi barang) penginapannya, sedikit bekalan, selimut dan yang lain dan sebahagian besarnya ada menyediakan makanan.

Noor Amalina: Dimanakah lokasi mangsa banjir ditempatkan?

Tok Hassan: Di Sekolah Agama Kampung Jawa, Sekolah Kebangsaan Kampung Jawa, Balai Islam Batu 3 Kampung Jawa dan Dewan Kampung Logah.

(bunyi burung)

Noor Amalina: Tahun bilakah banjir teruk berlaku dikampung ini? Boleh ceritakan serba sedikit?

Tok Hassan: Banjir yang besar berlaku di Kampung Jawa ini ada tiga (3) tahun. Akhir tahun dua ribu enam (2006), awal tahun dua ribu tujuh (2007), yang besar sekali pada tahun dua ribu sebelas (2011).

Noor Amalina: Kebiasaannya berapa lamakah banjir berlaku dan tempoh yang diambil aa banjir untuk surut sepenuhnya?

Tok Hassan: Biasanya antara tiga (3) dan empat (4) hari.

Noor Amalina: Berapakah kawasan yang terlibat?

Tok Hassan: Boleh dikatakan lapan puluh peratus (80%) Kampung Jawa ditenggelami air.



Noor Amalina: Adakah kampung ini ada mempunyai pasukan keselamatan tersendiri?

Tok Hassan: Kampung ini ada (berfikir) unit RELA ehh, pasukan RELA, (bunyi burung) palang merah itu jela [sahaja].

Noor Amalina: Apakah unit bantuan yang terlibat dalam membantu mangsa banjir di kampung ini?

Tok Hassan: Banyak yang melibatkan bomba, askar, polis, RELA, JPAM.

Noor Amalina: Berapakah anggaran kerugian yang dihadapi apabila berlakunya banjir?

Tok Hassan: Apabila berlakunya banjir di Kampung Jawa ini anggaran kerugian yang dihadapi oleh penduduk adalah amat besar.

Noor Amalina: Selain banjir apakah masalah-masalah lain yang dihadapi penduduk kampung ini?

Tok Hassan: Masalah yang dihadapi oleh penduduk kampung hanya minta kerjasama dengan pihak kerajaan ataupun yang berkenaan mengambil satu inisiatif untuk (bunyi ayam) mengurangkan berlakunya banjir ini. Dengan bermaksud aa tempat laluan-laluan air, sungai atau anak-anak sungai hendaklah kerap dibersihkan dan juga mana sungai atau anak sungai yang itu hendaklah didalman serta diluruskan supaya aliran air dapat berjalan dengan deras. Maka apabila dengan deras tadi, dapat mengurangkan berlakunya bencana banjir.

Noor Amalina: Apakah bencana yang berkemungkinan berlaku dikampung ini berdasar bentuk muka bumi disini?

Tok Hassan: Setakat hari ini yang kita nampak satu jelah [sahajalah] menghadapi banjir je [sahaja] lain tak da [tiada] apa-apalah.



Noor Amalina: Apakah masalah-masalah lain yang sering melanda kampung ini, penduduk kampung ini?

Tok Hassan: Masalah yang sering melanda kampung ini, rasanya macam tak ada [tiada] hanya yang ada ialah dengan kehadiran beberapa orang PATI daripada beberapa negara Indonesia, Thailand, (bunyi kertas) Bangla, Myanmar. (bunyi burung)

Noor Amalina: Adakah di kampung ini pernah berlaku kejadian jenayah besar seperti pembunuhan atau rompakan?

Tok Hassan: Bunuh tak ada [tiada] rompakan kekecilan [kecil-kecilan] itu adalah sekali sekala.

Noor Amalina: Okay [Baiklah] Beralih kepada soalan ekonomi. Apakah kegiatan ekonomi penduduk asal Kampung Jawa pada awal pembukaan kampung?

Tok Hassan: Ekonomi penduduk kampung Jawa pada awal pembukaannya ialah dengan bercucuk tanam ubi, jagung, keledek dan padi huma. (bunyi kertas) Disamping membuat kerja diladang-ladang yang ada di sebelah kampung.

Noor Amalina: Sekarang apakah kegiatan sosio-ekonomi kebanyakan penduduk disini?

Tok Hassan: Kebanyakannya penduduk di sini ialah penjawat awam, kerja swasta, kerja sendiri, membinaan dan membangunkan IKS itu ja [sahaja] lah.

Noor Amalina: Bolehkah Tok khabarkan secara ringkas keadaan ekonomi penduduk Kampung Jawa pada masa kini, aa boleh dikategorikan sebagai berada, sederhana, ataupun miskin?

Tok Hassan: Penduduk-penduduk di Kampung Jawa ni [ini] pada dasarnya, (bunyi kertas diselak) keadaannya ekonominya ialah dalam keadaan yang atas kesederhanaan. Maknanya ada yang. (bunyi seretan kertas) betul-betul senang, ada yang senang, ada yang kurang senang aa (bunyi meja) yang kurang senang sikit je [sahaja] tapi yang



masalahnya sekarang yang tinggal Kampung Jawa ni [ini] orang pendatang dah, dah [sudah] lama kemudian cari makan kat [dekat] sini, jadi dengan pendapatan yang tak [tidak] seberapa dengan tanggungan yang agak berat maka datang masalah lah kepada (bunyi tolakkan telefon) penduduk kampung lah ye [iyalah] aa termasuk juga kepada saya kadang masalah saya apa dia timbul pasal [masalah] maka dia akan jumpa saya minta tolong selesaikan masalah dia ha tu [itu] dia.

Noor Amalina: Aa, adakah disini mempunyai peluang pekerjaan yang luas?

Tok Hassan: Di Kampung Jawa ni [ini] peluang kerja memang katakan ada takda [tiada] takda [tiada] macam ada, tapi rasa saya Kampung Jawa ni [ini] kerja tu [itu] takda [tiada]. Maknanya kalau dia nak kerja luar daripada Kampung Jawa di daerah Segamat ni [ini] aa peluang kerja di daerah banyak aa jadi apa yang saya lihat dan saya amat amati pada anak-anak buah kampung, penduduk kampung Jawa termasuklah rangkaianannya ialah boleh dikatakan keseluruhannya tu [itu] bekerja sama ada yang dewasanya atau yang dikategorikan belia aa hanya sedikit saja yang menganggur tapi yang menganggur ni [ini] kalau saya tengok banyak menjurus, menjurus kepada penduduk taman, orang kampung ni [ini]. Insyallah semua bekerja.

Noor Amalina: Penduduk di kampung ini terlibat dalam sektor apa, contohnya macam pertanian, perniagaan ataupun industri?

Tok Hassan: Yang paling utama (bunyi kerusi) sekali ialah dalam pertanian baru disambung dengan berniaga. Industri ni [ini] kecil sangat lebih kurang dalam tak [tidak] sampai pun dalam lima (5%) peratus haa.

NA: Apa pertanian yang penduduk kampung ini lakukan?

TH: Sekarang pertanian sekarang ialah dengan dia noreh [menoreh] getah (bunyi selakan kertas) kemudian kelapa sawit aaa (bunyi kertas) sedikit buah-buahan aaa dan juga tanam tanaman kontan ni [ini] setakat ada ja [sahaja] lah.



NA: Adakah penduduk yang mengusahakan pasaraya atau kedai di dalam kampung ini? Jika ada sila nyatakan.

TH: Pasaraya takda [tiada] lah tapi kedai-kedai runcit tu [itu] adalah beberapa orang yang ada sifat nak maju ke depan menyahut suruhan agama iaitu meniaga tu [itu] adalah sembilan per sepuluh (9/10) jadi ada beberapa orang yang menyahut suruhan agama tu [itu] jadi dia meniagalah. Sama ada meniaga runcit ataupun kedai makan atau warung-warung.

NA: Adakah terdapat penduduk yang menghasilkan produk buatan mereka sendiri dan dipasarkan?

TH: Setakat hari ni [ini] ada beberapa yang anu [itu] yang buat ini tapi diadakan setakat menerima tempahan yang dekat-dekat ja [sahaja] lah kan macam kerepek-kerepek aaa tempe dah ada, tauhu pun dah ada aaa kuih-muih pun dah [sudah] ada. Alhamdulillah lah, adalah dalam enam (6) ke tujuh (7) orang yang usahakan ni [ini]. Memang ada peningkatan lah tinggal Kampung Jawa ni [ini] satu je [saja] aaa tinggal yang nama IKS tu [itu] macam tak [tidak] wujud ada kecil sangat kalau bandingkan dengan daerah-daerah yang lain kan. Itu yang Kampung Jawa ini walaupun besar ramai penduduk kita tak [tidak] dapat nak [hendak] bertanding.

NA: Adakah penduduk dari kampung ini yang telah menjadi usahawan yang berjaya?

TH: Setakat hari ini takde [tiada ada] lah.

NA: Adakah penduduk yang mengusahakan perkhidmatan seperti homestay untuk orang luar yang datang ke sini?

TH: Sekarang dah [sudah] ada dah [sudah] lah beberapa orang yang buat homestay di Kampung Jawa ni [ini], sama ada di kampung ataupun di taman yang ada dalam kampung.



NA: Kebanyakan anak muda dikampung ini bekerja disini atau berhijrah ke tempat lain?

TH: Sebahagiannya berhijrah, bekerja dan berhijrah ke daerah atau ke negeri lain dan sebahagian lagi bekerja di dalam daerah sendiri lah.

NA: Kebanyakan orang luar yang datang kesini, dia bekerja dalam bidang apa?

TH: Orang luar datang ke mari ada beberapa yang dia lakukan, bekerja (bunyi meja) dengan penduduk kampung seperti menoreh getah dan aaa memetik buah kelapa. Selain daripada itu, ada juga orang luar yang datang sini tapi dia kerja di luar kampung umpamanya di ladang-ladang, ada juga di aaa gedung-gedung perniagaan.

NA: Berdasarkan pemerhatian kami, kampung ini mempunyai tanah yang subur. Adakah penduduk kampung. (bunyi batuk)

(Rakaman diberhenti seketika)

(Rakaman disambung semula)

NA: Bersambung kepada soalan yang saya tanyakan tadi aaa adakah penduduk kampung ini menggunakan keistimewaan untuk melakukan aktiviti bercucuk tanam berdasarkan daripada mempunyai tanah yang subur di kampung ini?

TH: Pada keseluruhan, penduduk kampung ialah mengusakan (mengusaha) tanah-tanah yang digunakan oleh pihak (bunyi meja) kerajaan yang diwarisi daripada ahli keluarganya dan di Kampung Jawa juga boleh dikatakan tidak ada tanah yang terbiar semuanya diusahakan dan datangkan hasil.

NA: Tanaman apakah yang menjadi pilihan penduduk untuk bercucuk tanam?

TH: Selain daripada tanaman-tanaman kekal seperti getah dan kelapa sawit dan tanaman kontan pisang, ubi, keledak, aa sedikit sayur-sayuran lah.



NA: Adakah tanaman penduduk diserang oleh serangga atau binatang perosak?

TH: Penyakit yang menyerang tanam-tanaman ni [ini] yang pertama berhubung dengan pisang yang jadi banyak jadi masalah serang penyakit pada pokok pisang dan buah pisang tu [itu] je [sahaja].

NA: Sekarang beralih kepada soalan kaum, budaya dan juga perayaan. Okay [Baiklah] adakah orang Kampung Jawa yang berpindah ke sini mempunyai adat dan budaya mereka?

TH: Pada asal dulu, pada awal-awalnya berpindahan mereka mereka ni [ini] ke Kampung Jawa memanglah banyak membawa adat dan budaya mereka disinilah dan di amalkan boleh dikatakan tiap-tiap tahun. Tapi lama kelamaan dengan adanya anak-anak generasi muda, generasi baru yang ada dan mempunyai ilmu pengetahuan didikan agama yang agak luas telah aa memberikan pandangan eah, pendapat pada penduduk yang tersebut untuk, supaya dicuba di selaraskan budaya budaya tersebut. Mana yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam maka kita kekalkan yang mana ada budaya-budaya yang agak menyeleweng ataupun yang menyalahi hukum-hukum maka perkara itu dapat diatasi. (bunyi meja) Aa aspek-aspek yang mana daripada satu peringkat ke satu peringkat, tahap ke tahap hinggalah sampai ke hari ini kemudian budaya yang tidak mendatangkan faedah ataupun yang menyalahi hukum tu [itu] telah terhapuslah, terus tak [tidak] ada lagi dah [sudah].

NA: Adakah penduduk disini yang masih mengamalkan adat dan budaya dari Jawa? Jika ada, boleh ceritakan sedikit.

TH: Setakat ni [ini] takde [tiada]. Yang mana orang ni [ini] pun, pasal [masalah] saya pun bercampur dengan orang jawa- jawa yang dipandang hormat ada macam tok-tok kai [alim ulama] kan. Tapi, Alhamdulillah sebelum mereka ni [ini] meninggal dunia pun saya ada bersama. Saya, saya salah seorang daripadanya orang yang, yang bertanggungjawab masa saya memegang jawatan guru, guru agama saya juga adalah salah seorang yang bertanggungjawab dengan ketua kampung dan imam untuk nak [hendak] membentas [membenteras] aaa budaya-budaya yang tak [tidak] sepatutnya ada, aaa tu [itu] Alhamdulillah perkara-perkara itu telah dapat diatasi hingga hari ini memang takde [tiada] langsung lah.



NA: Apakah loghat atau dialek pertuturan yang digunakan oleh orang Jawa?

TH: Bahasa jawa lah. Sini ada dua (2) kumpulan bahasa jawa dan bahasa jawa yang bahasa halus. Bahasa halus ni [ini] banyak orang tak [tidak] faham. Saya pun satu (1) perkataan pun tahulahkan, terlampau banyak pun tak [tidak] tahulah kan.

NA: Adakah masih digunakan sehingga kini?

TH: Sekarang bahasa halus tu [itu] dah jarang terdengarlah melainkan orang tua jumpa orang tua adalah tapi setakat generasi yang ni [ini] bahasa jawa biasa ja [sahaja] lah. Bahasa jawa campur bahasa melayu aaa cakap sepuluh (10) perkataan melayu lima (5) aaa atau tujuh (7) jawa, campur rojak aaa bahasa rojak melayu dan jawa.

NA: Sekarang penduduk Kampung Jawa terdiri daripada pelbagai bangsa. Sejak bilakah kampung ini mula didiami oleh orang Melayu, Cina dan India?

TH: Kampung Jawa ni [ini] ada terdiri beberapa pelbagai bangsa. Pada awalnya ialah kalau saya lihat hanya, orang Jawa dan orang melayu, dan beberapa kaum cina, india takda [tiada] tapi sekarang ni [ini] dah banyak sebab wujudnya taman-taman perumahan aaa Kampung Jawa ni [ini] kalau tidak silap saya ada mempunyai aaa tiga belas (13) ke empat belas (14) taman aaa dan kampung aa.

NA: Berapakah peratusan orang Melayu, Cina dan India di kampung ini?

TH: Kalau tanya, dalam enam puluh (60%) peratus (bunyi barang diatas meja) ataupun enam puluh lima (65%) peratus, Cinanya tiga puluh lima (35%) peratus, India dan lain lima (5%) peratus.



NA: Bagaimanakah penduduk disini mewujudkan keharmonian yang baik sesama kaum?

TH: Keharmonian yang diwujudkan oleh penduduk kampung ni [ini] yang saya nampak lah nombor satu (1) ialah sifat kemuhabbahan maknanya muhibbah ni [ini] kita jumpa bertegur sapa aaa keduanya (2) kita rapat dengan dia ketiganya (3) dia banyak duduk dekat gerai-gerai makan melayu di kampung jadi datang kemesraan dia jadi kita takda [tiada] masalah pada hubungan kaum (bunyi berdehem).

NA: Sekiranya terdapat masjid melibatkan semua kaum, dimanakah masjid akan diadakan?

TH: Kalau setakat ni [ini] hari ni [ini] lah kan walaupun wujud nya berbagai-bagai kaum di Kampung Jawa ni [ini] rasa saya nak mendirikan atau mewujudkan sebuah masjid yang berbagai kaum tu [itu] tak [tidak] perlu lah sebab yang masjid ada pun masjid besar dan memang ada jemaah daripada India, orang India muslim nya, Cina muslim nya ada memang sesama dengan kita dan kita pun tidak memulaukan dia makna siapa yang datang-datang, datang depan duk [duduk] depan pun terpulang dia, kita tak [tidak] mengecil-kecilkan dia. Nak [hendak] kita bersalam, bersapa sama-sama, ada kenduri makan sama sama aaa itu dia.

NA: Adakah penduduk masih mengamalkan amalan kunjung mengunjung pada musim perayaan?

TH: Ya saya ada, memang di kekalkan daripada generasi dulu hingga generasi hari ini.

NA: Selain perayaan, adakah penduduk masih mengamalkan amalan bergotong-royong atau rewang jika ada (suara TH mencelah) apa-apa majlis?

TH: Ya memang masih ada lagi, terutama dalam majlis perkahwinan, majlis Maulidur Rasul aaa pada kematian (bunyi kertas) kan. Kematian macam manakan, katakan dalam gotong -royong aa ada apabila umum ada kematian, maka adalah sebahagian daripada pergi kubur, buat kubur liang-liang lahad ada yang sebahagiannya aaa tak [tidak] payah [perlu] keluar duit, kita sendiri pergi ke kedai beli kain kapan dan imam sebelum apa-apa dia bawa beberapa jemaah yang akan hadir kita buat yassin lepas tu [itu] kita mandi kapan dan sembahyangkan beramai.



NA: Adakah penduduk Kampung Jawa mempunyai makanan tradisional mereka tersendiri?

TH: Kampung Jawa ni [ini] nak kata kan takda [tiada] ada, nak katakan ada macam dah [sudah] takda [tiada] pasal generasi baru ni [ini] dah [sudah] tak [tidak] berapa macam dulu kan. Makanan yang sini nak [hendak] ikut kan dah takda [tiada] apa lah. Kalau Hari Raya ni [ini] biasanya lodeh dia je [sahaja] lah, lodeh dia kedian [kemudian] masak semur dia, tau [tahu] masak semur? Masak kicap haa ma, masak daging masak kicap, ayam masak kicap haa pekat lah dia takda [tiada] kuah haa tu cara dia (bunyi berdehem).

NA: Sekarang beralih kepada pendidikan di Kampung Jawa. Seterusnya (bunyi kertas) berkaitan dengan pendidikan, secara puratanya aa adakah penduduk kampung ini mendapat pendidikan yang sepatutnya? (bunyi kertas)

TH: (Sedang berfikir) Kalau di pandang cara kasarnya, penduduk Kampung Jawa ni [ini] walaupun generasi usia emas tak [tidak] banyak sikit, dia adalah pendidikan-pendidikan sama ada darjah sampai darjah tiga (3) darjah empat (4) kan ada, sekolah agama pun tak [tidak] banyak sikit pun darjah empat(4) darjah lima (5) tu ade. Tapi pada hari ni [ini] keseluruhan penduduk kampung memang mendapat pendidikan yang bagaimana yang dikehendak oleh pihak kerajaanlah (bunyi barang diatas meja) haa dengan pendidikan agama yang tinggi aa pendidikan rendah dan menengah yang tinggi bahkan banyak yang saya tengok dapat melanjutkan pelajarannya ke pusat pengajian tinggi.

NA: Masih adakah anak-anak sekarang yang tercicir pelajaran?

TH: Setakat harini, di Kampung Jawa tak ada [tiada] hanya ada satu (1) dua (2) pun, itu kira anak PATI, tahu anak PATI? Anak pendatang tanpa izin, yang menetap kat [dekat] sini makna dia takda [tiada] dokumen yang boleh kita nak [hendak] bawa ketengahan. Saya dah [sudah] cuba juga, tak [tidak] dapat sebab dia takda [tiada] surat beranak.



NA: Adakah kemudahan sekolah terdapat di kawasan Kampung Jawa?

TH: Kemudahan ni [ini] nak [hendak] ikutkan ada, umpamanya tempat pondok menunggu ea balik daripada sekolah umpamanya disediakan aaa tu [itu] samada sekolah agama ataupun sekolah kebangsaannya.

NA: Jika ada silakan nyata sekolah apa, dan berapa banyak sekolah di sini?

TH: Di Kampung Jawa je [sahaja]. Maksud ini, saya nak [hendak] tanya juga maksud dia, di Kampung Jawa ke dalam kawasan saya? (NA menjawab soalan, dalam kawasan) Kawasan saya ni [ini] kalau sekolah banyak sekolahnya. Aaa pasal kawasan saya ni [ini] tempat pentadbiran nya luas, besar jadi terdiri daripada Sekolah Kebangsaan Kampung Jawa, Sekolah Kebangsaan Segamat Baru, Sekolah Kebangsaan Bandar Putra, Sekolah Kebangsaan Li Chi, Sekolah Kebangsaan Tamil dan Sekolah Menengah Dato, Sekolah Menengah Paduka, Sekolah Menengah Agama, Sekolah Menengah Vokasional, Sekolah Menengah Bandar Putra dan Kolej Komuniti.

NA: Berapakah jarak dari kampung ini ke sekolah?

TH: (Sedang berfikir) Kampung Jawa sendiri ada sekolah, takda [tidak] lah dekat sangat atau jauh sangatlah memang ada dalam Kampung Jawa takda [tiada] jarak dia. (bunyi kertas). Jauh yang paling jauh ialah di Bandar Putra lah kalau di sini lebih kurang dalam empat (4) KM lah.

NA: Adakah sekolah disini menyediakan infrastruktur yang cukup dan selesa kepada pelajar?

TH: Alhamdulillah [bersyukur], maknanya kemudahan itu dah [sudah] disediakan oleh pihak sekolah dengan kerjasama dari pihak aaa Kementerian Pendidikan .kedian (kemudian) wakil-wakil rakyat.



NA: Apakah kemudahan dan usaha lain yang disediakan untuk meningkatkan taraf pendidikan Kampung Jawa? Contohnya seperti kelas mengaji ataupun kelas komputer.

TH: Dikawasan sini kalau kita tengok selain daripada kelas mengaji memang ada lah eh, daripada tahap rendah pun kita tengok dah [sudah] ada pra sekolahnya sama ada sekolah kebangsaannya atau sekolah agamanya. Selain daripada itu, aaa murid-murid yang nak mengambil peperiksaan sama ada PT3 nya ke SPM nya ke yang lain diadakan kelas- kelas percuma yang mana ditaja oleh pihak kerajaan sendiri atau pihak wakil rakyat dan juga kalau kita lihat dekat kolej komuniti disediakan bermacam-macam kemudahan kursus eh aaa tengok bidang yang kita minat sama ada jahitan ke aaa penulisan dia ke matematik dia ke komputer dia ke aaa mana jurutera dia ke mana vokasional dia kan semua ada aa disediakan. Tinggal maknanya kita keluarga dan diri kita sendiri, diri anak-anak sendiri mahu tak [tidak] mahu je [sahaja] untuk nak mendapatkan kemudahan-kemudahan itu.

SA: Seterusnya berkaitan dengan keistimewaan Kampung Jawa. Apakah keistimewaan dan (bunyi kertas) keunikan Kampung Jawa?

TH: Keistimewaan dan (bunyi tolakan telefon) keunikan Kampung Jawa ialah dari segi termahsyur dengan sate, soto Wageh. Yang mana Warung Wageh ni [ini] terkenal daripada datuknya hinggalah ke cucunya pada hari ini, generasi ketiga (bunyi berdehem) dan juga limpa dia (bunyi berdehem).

NA: Apakah makanan istimewa terdapat di restoran Wageh, kedai Wageh?

TH: Istimewa dia ialah soto dia yang masyur sekali dengan sate limpa dia.

(bunyi meja)

SA: Bilakah waktu kedai ini beroperasi?

TH: Waktu dia dibuka setiap hari selasa sampai hari ahad pagi hingga tengah hari lah.



SA: Adakah kampung ini mempunyai tempat-tempat yang menarik?

TH: Kampung, tempat yang menarik tu takda [tiada] lah.

SA: Tempat rekreasi ataupun tempat untuk meluangkan masa?

TH: Kalau ada pun kita pergi kat Sungai Kape lah. Sungai Kape tu kawasan sini juga.

(bunyi meja)

(berfikir)

SA: Selain daripada Sungai Kape adakah (bunyi ketukkan pen) tempat lain yang menjadi daya tarik orang luar untuk datang ke kampung ini?

TH: Sekarang ni [ini] takda [tiada].

SA: Apakah yang menjadi faktor kepada orang luar dari kawasan ini untuk menetap disini?

TH: Faktornya utama sekali ialah keramahan dan kemesraan penduduk. Keduannya masyarakat disini sentiasa memberikan kerjasama pada aaa tetamu-tetamu yang datang daripada luar sama ada baru ataupun la,lama dan juga suka membantu aa mereka ini.

SA: Kampung Jawa mempunyai masjid yang boleh jadikan daya tarikan kepada orang ramai. Apakah nama masjid tersebut? (bunyi meja)

TH: Raudhatul Firdaus. Nama ni [ini] telah dibincangkan oleh ahli-ahli jawatan kuasa serta beberapa orang-orang usia emas yang dekat diri dengan masjid.



SA: Bilakah masjid tersebut telah dibina?

TH: Masjid ini, (bunyi burung) dibina pada tahun sembilan puluh (90) an.

SA: Siapakah yang bertanggungjawab untuk menubuhkan masjid ini?

TH: Yang bertanggungjawab ialah jawatan kuasa dan penduduk setempat serta (sedang berfikir) UMNO.

SA: Adakah masjid ini menjadi mercu tanda Kampung Jawa?

TH: Ya.

NA: Apakah keistimewaan yang terdapat pada masjid?

TH: Masjid ini sentiasa terbuka untuk semua muslimin dan muslimat yang musafir yang ingin nak beriktikaf dalam masjid ni [ini] dan juga masjid ni sentiasa mengadakan beberapa kegiatan dan aktiviti yang bawa kepada keagamaan lah boleh dikatakan setiap hari ada. Baik siangnyanya ada masanya ada kelas fardu ain, malamnya ada banyak kepada kuliah agama hanya yang takda [tiada] tu [itu] siang, siang banyaklah, siang ada satu hari ra, khamis ada fardu ain, malam itu kira penuh ceramah agamakan.

SA: Adakah masjid ini turut dilanda banjir?

TH: Tahun dua ribu sebelas (2011) ya.



SA: Sekiranya masjid ini tidak mengalami banjir, adakah masjid ini dijadikan tempat untuk penempatan mangsa banjir?

TH: Tidak.

SA: Selain tempat beribadat, apakah kemudahan yang terdapat di masjid ini?

TH: Ermmm, selain daripada itu kelmarin di jadikan tempat kursus haji dan umrah daerah Segamat zon selatan.

SA: Dimanakah lokasi masjid ini?

TH: Kampung Jawa lah.

SA: Siapakah yang telah merasmikan masjid ini?

TH: Duli Yang Maha Mulia Tengku Mahkota Johor sebagai wakil rasmi ayahandanya pada hari jumaat.

SA: Adakah Kampung Jawa mempunyai masjid yang lain?

TH: Kampung Jawa satu masjid. Padang Lalang satu masjid.



NA: Berapa (bunyi tolakan telefon) buah surau yang terdapat di dalam Kampung Jawa ni [ini]?

TH: Kampung Jawa masuk Padang Lalang, (bunyi seretkan kertas) Logah ada tiga (3), tiga (3) surau. Atas dasar (bunyi tolakan telefon) kemasyarakatan penduduk sendiri, yang mana dari kecil dibesarkan dengan kerana selain pertambahan penduduk di kampung juga pertambahan taman-taman yang begitu banyak di ada disekeliling Kampung Jawa.

SA: Berapakah anggaran keluasan masjid ini?

TH: Keluasan masjid ni [ini] saya (bunyi barang diatas meja) tak [tidak] berapa, tak [tidak] berapa pasti sangat lah tapi dia boleh menampung hampir seribu lima ratus (1,500) jemaah.

SA: Berapakah kos perbelanjaan (bunyi kertas) masjid di kampung ini?

TH: Kalau tak [tidak] silap saya, kos dia masa ketika itu, aaa empat (4) juta rasanya.

SA: Adakah masjid ini mendapat tajaan daripada mana-mana pihak (bunyi tolakan telefon) atau individu?

(bunyi kertas)

TH: Ya, selain, selain anu [itu] sini mendapat daripada peruntukan kerajaan, kerajaan pusat (sedang berfikir) (bunyi meja) dan tapaknya (bunyi selakan kertas) sebahagian adalah di wakafkan oleh Tok Penghulu, Allahyarham Haji Ahmad Bin Meriyani (bunyi ketukan kertas) dan sebahagian lagi pihak penduduk kampung membeli daripada waris Allahyarham Tok Penghulu Ahmad Bin Meriyani

SA: Adakah terdapat ahli jawatan kuasa dalam penubuhan masjid ini?

TH: Ya, ada.



SA: Siapakah imam di masjid ini?

TH: Sekerat hari ini? yang hari ini, yang terkini? (SA menjawab soalan daripada TH, ha yang terkini) terkini Tuan Haji Mahami Bin Haji Sidek dan Zainuddin Bin Haji Ahmad.

(bunyi ketukan pen)

SA: Soalan berkaitan dengan pembangunan, dikawasan manakah dalam Kampung Jawa yang telah mengalami (bunyi kertas diselak) perubahan besar dari segi teknologi dan pembangunan?

TH: Di kawasan (bunyi kertas) Kampung Jawa sendirilah.

SA: Boleh berikan nama tempat? Macam contoh kampung ke taman?

TH: Apa maksud pembangunan? Yang macam mana ?

SA: Macam kemudahan awam, klinik (suara TH mencelah), hospital.

TH: Maksudnya Kampung Jawa ada dewan ada, kelas tadikanya ada.

SA: Boleh ceritakan secara ringkas perbandingan keadaan Kampung Jawa pada awal pembukaan sehingga keadaan sekarang?

TH: Perbandingannya adalah begitu sangat jauh kerana kalau, kita, saya mula datang kemarin-marin balai raya pun, balai raya lama separuh papan sekarang dapat dewan. Masjid dia pun masjid lama, sekarang dapat masjid yang baru. Klinik pun klinik yang



baru. Sekolah pun dah ada peningkatan, dulu sekolah jenis papan sekarang sekolah empat (4) tingkat. Sekolah agamanya pun ada peningkatan iaitu satu (1) buah mohon aaa pada PM dapat ...peruntukan satu (1) juta, buat lagi aaa satu bangunan dua tingkat aa selain daripada itu juga yang lain tu [itu] kita dapat balai islam aa kemudian di Taman Sutera tu [itu] kita ada padang futsal dan lain daripada tu [itu] yang baru-baru ni [ini] kita telah mendapat aa kita ada kita mohon pada pihak JPS telah bersetuju dan sekarang, ...masih apa belum siap sepenuhnya kalau peruntukan tak [tidak] cukup kita buat tempat aaa apa ni [ini] orang-orang berjoging dekat sebelah tanah wakaf belakang sekolah agama aaa tempat parking ada. Tinggal alat perniagaan tanah tu [itu] belum siap lah, pasal ... tak [tidak] cukup tapi dah[sudah], dah [sudah] buat lah.

SA: Bagaimana pula keadaan jalan-jalan di Kampung Jawa sebelum ini dan sekarang?

TH: Kalau dulu memang banyak jalan tanah merah, sekarang ni [ini] boleh di katakan payah [susah] nak [hendak] cari tanah merah semua dah di tar. Baru-baru ni [ini] dalam bulan sepuluh (10), bulan sebelas (11) hari tu [itu] boleh dikatakan sembilan puluh lima (95%) peratus dari tar baru, semua jalan baru. Dan disamping itu juga, aaa saya mohon dapat juga aaa ke pekan dengan membina sebe, dua belas (12) jalan dan lorong yang baru aaa jalan di tar lah, turap tar lah.

SA: Jadi keseluruhannya berapa buah jalan di Kampung Jawa?

TH: Jalan merot dia ada tiga (3), jalan Kampung Jawa ke Medoi, jalan Kampung Jawa masuk Jalan Meriyani ke Batu Tiga (3), jalan Kampung Jawa masuk Sungai Jenalim pergi Datuk Keramat, ada empat (4) satu (1) lagi jalan aaa masjid Padang Lalang ke Kampung Logah. Ada empat (4) jalan-jalan yang panjang yang utamalah dan yang rangkaian dia banyak lah.



SA: Daripada mana datangnya peruntungan untuk membaik pulih jalan?

TH: Aa itu yang saya cakap tadi, yang pertama sekali daripada MARRIS kedua daripada KKLW.

SA: Boleh terang sedikit tak tentang MARRIS?

TH: MARRIS ni [ini] saya tak [tidak] beberapa pasti dia duduk bawah agensi mana, aaa tapi dia boleh, dia, dia tempat dia dekat Pejabat Daerah lah tapi MARRIS ni [ini] dia tidak boleh diubah, mana tempat dia kata disitu, disitu lah. Tapi kalau K, KKLW ni [ini] kita boleh ubah kalau kita kata nak buat kat [dekat] katakan A dia ubah tempat lain aaa tu [itu] pasal KKLW ni [ini] bawah Kementerian ataupun, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

(bunyi berdehem)

SA: Siapakah yang terlibat dalam projek membaiki jalan-jalan di kampung ini?

TH: Yang terlibat pihak kita, pihak ketua kampung akan hantar surat ni [ini] kepada pegawai daerah dan sk [salinankan] kan pada wakil rakyat. (bunyi meja)

SA: Seterusnya, Kampung Jawa berada dibawah parlimen apa?

TH: Parlimen Sekijang (sedang berfikir), yang sebenarnya Kampung Jawa ni [ini] aaa mempunyai dua parlimen, parlimen Segamat dan kemudian mempunyai tiga (3) dun. Dun Pemanis utama, dun Kemelah yang keduanya (2), dun Jementah yang ketiga (3) sebab di Kampallah [Kampung Abdullah] tu [itu] kawasan cina tu [itu] sepa, separuh Kampallah [Kampung Abdullah] adalah masuk parlimen Segamat bawah dun Jementah. Di bawah kuasa DAP sebab tu [itu] saya tak [tidak] begitu ambil berat kat [dekat]



sanakan. Hanya kalau ada keperluan saja saya pergi sana kan tapi yang saya utamakan dun Pemanis dan dun Kemelah lah. Tapi, alhamdulillah [bersyukur] lah setakat hari ini semua wakil rakyat sama ada dari parlimen ke ataupun di dun banyak memberikan kerjasama dengan saya maka, maka memudahkan saya membuat urus tadbir kampung dengan beberapa kemudahan projek pembangunan dan juga memberikan bantuan-bantuan yang seberapa yang kita termampu kepada orang yang memerlukan seperti orang usia emas, orang yang berpendapatan termasuk golongan yang miskin, fakir takda [tiada], miskin ataupun orang susah juga orang yang menghadapi penyakit-penyakit yang menggerunkan, kronik aaa ehh banyak saya tengok hari ini jadi alhamdulillah sama-sama kita dapat bantu ha meringankan aaa masalah-masalah yang dihadapi oleh anak-anak buah yang tersebut lah. Tapi kalau kita nak [hendak] apa bantu sepenuhnya memang tak [tidak] mampulah kan, kalau sebab tu [itu] siapa nak [hendak] jumpa saya telefon paling lama sepuluh (10) minit dah [sudah] jumpa kalau tak [tidak] jumpa saya tinggal. Sebab siapa? saya jaga masa, masa saya dua puluh empat (24) jam kali minit kali saat bahagi empat puluh lima (45) aaa pasal bahagi empat puluh lima (45)? Bahagi empat puluh lima (45) orang walau ia kecil pun kita nilaikan, har, masa tu [itu] untuk dia pun ada. Jadi kita orang jumpa kena memahamilah, dia tak [tidak] boleh marah saya, kau [engkau] nak [hendak] marah kau [engkau] pasallah, tapi saya terima dia marah dia, saya tak [tidak] kisah jangan awak tak,tak [tidak] faham cakap melayu awak, tapi itulah hakikatnya tapi setakat hari ini Alhamdulillah [bersyukur] lah nak [hendak] kata sepenuhnya tidak ada tapi keseluruhannya apa yang saya jalankan apa yang saya boleh bantu Alhamdulillah [bersyukur] mana dapat kerjasama dengan wakil-wakil rakyat sama ada di parlimennya ataupun di dun nya dengan kerjasama dan juga baru-baru ini aaa pihak dun Pemanis telah menyampaikan sumbangan kepada orang-orang miskin dan juga usia emas dan dari pihak parlimen telah mendapatkan bantuan lebih kurang dalam dua pua lima (25) rumah baik pulih kerosakkan setiap satu rumah aaa peruntukkan dia sepuluh (10) K. Pelaksanaannya akan dilaksanakan beberapa hari inilah maknanya dalam bulan ini juga, dan dalam tahun ini juga akan dibuat telah berlanjutan sampai awal tahun esoklah ehh. Kalau tak [tidak] siap tahun ini kena tahun depanlah, peruntuk tu [itu] pun dah [sudah]In ada, dan nama-nama senarai pun dah [sudah] saya dah [sudah] ajukan dan orang ini pun telah di kaji selidik oleh pihak aaa pegawai pembangunan jabatan perdana menteri yang berpejabat di Johor Bharu, dan saya dah kenal dia ada dua (2) hari dekat sini, dua (2) kali datang bawa orang ini.



Alhamdulillah [bersyukur], InsyAllah [dengan izin Allah] seratus peratus (100 %) yang di yang kita pergi itu dia datang bantuan lah dan begitu, begitu juga aa ibu-ibu tunggal yang cuba nak [hendak] berdikari kita dah [sudah] dapat (bunyi burung) bantuanlah, bantuan berupa barang-barang, pekakas (bunyi burung) untuk dia meniagakan perniagaan dia lah dan juga (bunyi burung) belia-beliannya untuk menjalankan perniagaan kita telah, saya buat sokongan untuk mendapatkan pinjaman daripada TEKUN, nampaknya boleh katakan keseluruhannya permohonan itu lulus dan berjaya.

SA: Seterusnya, saya sambung dengan beberapa soalan tambahan. Berapakah anggaran jarak dari Kampung Jawa ke bandar? (bunyi meja)

TH: Jarak Kampung Jawa ke bandar tak jauh lah, lebih kurang dua (2) KM je [sahaja].

SA: Adakah perkhidmatan pengangkutan awam ada disediakan untuk penduduk bergerak ke bandar?

TH: Sekarang alhamdulillah [bersyukur], daripada kenderaan sendiri sama ada motosikalnya keretanya sekarang pihak kerajaan Johor bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor Dato' Haji Khalid Nordin telah mendirikan bas muafakat Johor kan, aaa dia mula bergerak daripada pukul enam suku (6.15) sampailah pukul sepuluh (10) malam kalau tak [tidak] silap saya, dia akan masuk Kampung Jawa pusing masuk jalan Meriyani keluar ke Segamat Baru, Bandar Putra pusing balik itu lah dia. Alhamdulillah [bersyukur] lah, ucap tahniah kepada kerajaan anu [itu] kerajaan bawah pimpinan menteri besar lah yang terhormat menteri besar telah memberikan satu perkhidmatan pengangkutan yang baik lah ya (bunyi berdehem).



SA: Adakah kampung ini terlibat dalam program Jelajah Johor?

TH: Ya, yang lepas ini ada, ada terlibat.

SA: Apakah aktiviti yang dilakukan ketika program Jelajah Johor tersebut?

TH: Programnya yang lepas ini ada menyampaikan sumbangan kepada orang miskin dan usia emas yang uzur.

SA: Adakah kampung ini pernah memenangi apa-apa anugerah atau mendapat pengiktirafan?

TH: Nampaknya setakat hari ini ada, masjid. Masjid itu dapat naib johan peringkat daerah dan surau Padang Lalang dapat naib johan juga peringkat daerah aaa yang baru-baru ini kampung ini mendapat ataupun mukimlah, mukim sungai Segamat mendapat naib johan pengum, pengumpulan barang-barang terpakai, dapat naik johan. Jadi setiap kampung yang menaung dibawah mukim sungai Segamat dapat sumbangan tiga ratus (300) lah daripada pihak kerajaan. (bunyi burung)



SA: Siapakah antara anak jati kampung ini yang (bunyi burung) telah berjaya dan dikenali oleh orang ramai? (bunyi burung)

TH: Ramai jaga beberapa orang dah [sudah], seorang daripadanya Dato' in Sujia Bin Haji Bon, aa pegawai pemerintah, (bunyi burung) lupa pula tapi dia juga berpusat di Butterworth. Begitu juga Encik Jamal Bin Osman aa dulu dia ketua pengarah SIRIM tapi sekarang dia kalau tak [tidak] silap saya dia Naib Cancellor universiti, Universiti Kebangsaan ke Universiti Pertanian aaa (bunyi berdehem). Kalau doktor ini banyaklah kan, doktor pakarnya pun ada.

SA: Boleh tak [tidak] Tok ceritakan dengan lebih terperinci tentang jawatan yang dipegang oleh ketua kampung?

TH: Saya sebagai ketua kampung ini, pegang jawatan banyak lah selain utamanya ketua kampung yang lainnya sebagai aaa penasihat kepada masjid-masjid dan surau di bawah naungan saya dah [sudah] ada tadi iaitu empat (4) masjid lima (5) surau eah termasuk Segamat Baru Bandar Putra aeh, suraunya sampai Paya Lenga. (bunyi meja) Selain daripada itu juga, saya jawatankuasa (bunyi kertas) AADK peringkat daerah, juga bekas setiausaha kursus haji peringkat daerah, juga jawatankuasa kewangan PKAYIS yang mana itu pun pertubuhan anak yatim islam daerah segamat dan jawatankuasa persatuan aaa ketua kampung daerah. Selain daripada itu, juga sebagai penasihat bawah pertubuhan aaa KOSPEN, Bulan Sabit, Rela sama ada di Kampung Jawa atau di Segamat Baru dan Bandar Putra lah.



SA: Ketika berkhidmat sebagai guru adakah Tok ada mendapat apa-apa anugerah?

TH: Dapat pingat P.I.S 2 daripada Sultan Johor. (bunyi burung) Selain daripada itu dapat cemerlang KKPI yang baik pada tahun sembilan belas sembilan puluh tiga (1993) dan sembilan belas sembilan puluh enam (1996) (bunyi burung) serta dapat anugerah tokoh guru pada tahun dua ribu, dua ribu dua belas (2012) kalau tak [tidak] silap, saya ada dapat tokoh guru peringkat daerah.

SA: Ketika berkhidmat sebagai ketua kampung adakah Tok ada mendapat apa-apa anugerah?

TH: Tak ada [tiada], sepatutnya nak [hendak] diberi pingat lagi kan, saya rasa tak [tidak] payahlah [perlu] bagi orang lain pulalah. Tinggal saya dapat ketua kampung yang cemerlang lah dapat dua (2) tahun berturut dua ribu dua belas (2012) dan dua ribu tiga belas (2013) iaitu dibawah pegawai daerah Yang Berbahagia Datuk Haji Abdul Razak Bin Hassan dan juga dibawah pegawai daerah yang berbahagia aaaTuan Haji Rahim Bin Nin.

SA: Seterusnya bagaimana Tok mengatasi masalah PATI?

TH: PATI? (mencelah daripada SA, pendatang). Oh PATI, aah. Ingat parti, parti politik, PATI. Saya suka memantau dan mendapat laporan daripada penduduk setempat, kemudian saya memantaunya andai kata kalau PATI itu tak [tidak] ada apa-apa aaa yang bolehkan dekat [di] sini maka kita akan ambil tindakanlah, melaporkan kepada pihak imigresennya pada pihak kastamnya pun ada kerjasama dengan saya, polis juga ada kerjasama dengan saya lah. Alhamdulillah lah, walaupun setakat hari ini orang PATI ini tidak ada mendatangkan apa-apa (bunyi selakan kertas) kesusahan tapi kita bimbang sama ada PATI itu yang selalunya ada dekat [di] sini yang saya nampak daripada sendiri, (bunyi kertas) bangla, bangla [Bangladesh] bunyi kertas) sendiri, sendiri dan juga Myanmar (bunyi ketukan kertas) Thailand itu macam tak [tidak] nampaklah.

**SA: Bilakah perkhidmatan Tok sebagai Ketua Kampung akan ditamatkan?**

TH: Saya akan ditamatkan kerana cukup umur pada tahun dua ribu sembilan belas (2019) dan saya sangat-sangat aaa berharap (bunyi meja) bakal calon pengganti saya mudah-mudahan beliau dapat menjalankan tugas dengan amanah, jujur, ikhlas dipercayai oleh orang ramai serta mendapat tugas yang lebih baik daripada apa yang saya telah buat. Mudah-mudahan apa yang saya buat ini mengerjakan satu pengajaran untuk (bunyi kertas) kesinimbangan [kesinambungan] aeh untuk anda jalankan tugas di masa (bunyi kertas jatuh) akan datang sebab kita menghadap masa depan yang lebih mencabar apatah lagi pada hari ini kita menghadapi pada N50 [TN50] aeh jadi kena makin bertambah berat, tugas ketua kampung ini memang berat, tugas dia bukan apa bukannya mudah tugas dia ialah dua puluh empat (24) jam aa maka kita memang berhadapan dengan seribu satu masalah anak-anak buah tak [tidak] kira apa bangsa yang ada bawah pimpinan kita sama ada manis, masam, pahit, tawar kita kena hadapi. Masa-masa sibuk dan kita dapat selesaikan masalah itu dan anak buah berasa berpuas hati walaupun tidak sepenuhnya. Itulah harapan saya aaa mudah-mudahan ...kemajuan Kampung Jawa, Kampung Jawa ini lebih maju ke depan aaa ada yang kekurangan segi pembangunan maka diusahakan supaya pembangunan itu dapat diwujudkan di Kampung Jawa. Mudah-mudahan Kampung Jawa menjadi satu kampung yang bertaraf kampung yang maju macam mana di bandar begitulah di kampung apatah lagi sekarang aa kerajaan akan nak [hendak] membandarkan kampung, kalau anda dengar sekarang kerajaan telah berusaha untuk program membandarkan kampung maknanya minda orang kampung kena buka lebih luas, kita tak [tidak] boleh minda yang ada ... tak [tidak] boleh, kita mesti buka, kita dah [sudah] gunakan keliling kita dengan alat-alat elektronik yang sangat canggih dalam masa seminit dah [sudah] sampai ke luar negara. Jadi kita berhadap ini maka kerajaan telah berusaha sekarang ni [ini] untuk membandarkan sebab itulah ketua-ketua kampung akan diberi kursus hinggalah mendapat aaa sijil diploma bertaraf yang tinggi sekarang, aaa dimana akan datang, (bunyi kertas) waktu akan datang dia akan nak [hendak] melantik ketua-ketua kampung ini yang ada keputusan paling tidak dia ada SPM nya dan darjah apa darjah khasnya. Sekolah agama kalau kerajaan Johor lah, aaa tu [itu] dia. Tu [itu] harapan saya kepada bakal pengganti saya tak [tidak] kira lah siapa dia tapi saya harap penduduk kampunglah yang berwibawa yang ada daya tahan yang ada mempunyai pandangan jauh aaa maka orang-orang inilah saya harap dapat menyambung apa yang saya telah jalankan.



SA: Adakah Tok boleh menyambung semula perkhidmatan selepas tamat Tok punya perkhidmatan pada tahun dua ribu sembilan belas (2019)?

TH: Rasa-rasanya memang dah [sudah] cukup dah [sudah] tu [itu] tak [tidak] boleh sambung lagi. Kalau saya sambung pun hanya menjalankan tugas ketua kampung sementara pelantikan baru itu dilantik aaa mungkin makan masa sebulan ataupun setahun biasanya perlantikan makan setahun itulah saya kena jalan tugas-tugas ketua kampunglah dengan mungkin sebelum emm beres [selesai] lah meeting [perbincangan] tu [itu].

SA: Adakah Tok ada mempunyai apa-apa perancangan untuk memajukan lagi Kampung Jawa?

TH: Insyallah [dengan izin Allah] dalam masa tinggal dua (2) tahun ni [ini] saya memang banyak lagi perancangan saya, yang saya nak [hendak] utarakan sebab apa, ada lagi perkara yang tertinggal yang patut saya aaa usahakan sampai berjaya aa segi pembangunanlah itu juga minta kerjasama semua banyak agensi kerajaan lah sama ada JPS nya JKR nya aaa tu [itu] jelah [sahajalah] aa khusus kepada pejabat daerah lah ehh yang dia memegang kampung pasal saya duduk bawah dia.

SA: Bolehkah Tok tolong ceritakan sedikit pendapat atau pandangan tentang Kampung Jawa pada awal aaa pembukaan sehingga sekarang?

TH: Ia perbezaan adalah sangat jauh, aeh dulu dan sekarang. Termasuklah ketika saya memula [mula-mula] sampai ke Kampung Jawa tahun enam puluh tujuh (67) aa sekarang ni [ini] kita ada ...buat masjid baru daripada balai raya pergi dewan daripada klinik yang kecil sekarang klinik yang baru ... ada balai islam ada balai kampung ... Padang Lalang tak [tiada] ada balai raya ada balai raya, surau-surau yang dulu surau



yang buruk sekarang dah [sudah] baru, dah [sudah] terbina nya masjid Padang Lalang, terbinanya dewan serbaguna Kampung Logah, aaa terbinanya juga futsal di Taman Sutera ada juga pustakaan [perpustakaan] di Taman Waja aaa jadi rasanya, banyak jalan-jalan yang ... jalan-jalan yang tanah merah yang lecak sekarang semua dah [sudah] jalan bertar, aeh kalau dulu kita nampak rumah-rumah orang kita yang begitu uzur dan daif sekarang dah [sudah] tak [tidak] nampak lagi semuanya rumah-rumah batu semua aaa tinggal masalahnya satu bencana alam banjir yang kita hadapi itu ja [sahaja] lah yang lain rasanya alhamdulillah [bersyukur] lah, dengan lampu-lampu jalannya yang begitu banyak, makna kalau kita jalan-jalan dah [sudah] tak [tidak] takut lagi dah [sudah]. Tinggal harap-harap aaa pembangunan itu dapat ditingkatkan lagi itu yang saya cakap tadi saya nak [hendak] kan Kampung Jawa ni [ini] macam mana hasrat kerajaan untuk nak [hendak] dibandarkan aeh, desa ni [ini] nak [hendak] dibandarkan makna dia jadi macam bandar, tetap bandar. Jadi kita memang berusaha untuk kearah itu. Aa untuk hasrat kejayaan tu [itu] tercapai dengan kerja kita ya, bersama-sama dibantu oleh JKK kampungnya dengan badan-badan NGO yang lain. Ehh, jadi hasrat itu tercapai Insyallah [dengan izin Allah] mudah-mudahan.

SA: Adakah aaa ladang-ladang dan dusun terdapat di kampung ini diusahakan oleh penduduk kampung sendiri atau orang luar atau orang asing?

TH: Kalau ladang-ladang getah, boleh katakan keseluruhannya orang kampung lah sikit-sikit ja [sahaja] orang jawa, usia emas yang tak [tidak] berdaya, dia upah pada orang lain ataupun pokok yang nak tebang tu [itu] dia nak [hendak] sondak [torehan terbalik] dikasi orang-orang, orang pat, pendatang lah. Kalau kelapa saw, kelapa sawit ia ada orang yang memetikinya, pengusaha-pengusaha pun ada usaha sendiri lah. Apatah lagi kalau tanam semula diusaha oleh orang-orang kampunglah, penduduk sendirilah kan. Jadi takda [tiada] kita guna orang luar lah. Tengok sendiri, memang minat berkerja sebenarnya ya, kalau kita tengok orang yang duk [duduk] warung tu [itu] kedai-kedai kopi malam tu [itu] adalah sedikit tapi sebahagian besar orang luar, aaa dia tengok sini orang-orang ada dia punya tempat yang, apa selesa haa, dia datang ke mari [sini] tapi yang banyaknya orang luarlah, kadang-kadang orang Kampung Jawa banyak duk [duduk] kat [dekat] warung, ramai tapi orang luar bukan orang tempatan kan.



SA: Hasil daripada tanaman dan dusun yang diusahakan adakah penduduk menggunakan hasil itu untuk kegunaan sendiri atau di pasarkan?

TH: Aaa biasanya, kalau kontan dipasarkan sebab apa, nak [hendak] buat apa kan, dan kita juga kelapa sawitnya dan dusun ni[ini] biasanya kita memang (bunyi ketukan meja) jual lah. Macam saya contohnya, saya ada dusun durian (bunyi cicak) untuk dijual rambutan ja [sahaja] saya tak jual sebab saya rambutan saya sedekah pada orang ramai aaa tu [itu] jela [sahajalah], (bunyi kertas) sebab apa hasil *dusun itu juga untuk menampung pendapatan keluarga aa.*

NA: Adakah di Kampung Jawa ini mempunyai rumah tradisi? Jika masih ada boleh ceritakan serba sedikit berkenaan dengan rumah tradisi tersebut?

TH: Memang ada aa dan rumah itu telah pun dirasmikan oleh pegawai daerah iaitu Datuk, Yang Berbahagia Datuk Abdul Razak Bin Hassan dan program itu dibuat secara besar-besaran.

(bunyi burung)

NA: Apakah nama rumah tradisi tersebut?

TH: Rumah itu dipunyai oleh Encik Pimin Bin Adam dan Puan Maniah Binti Haji Hussin, isteri dia.

NA: Dimanakah lokasinya?

TH: Rumahnya ada di tepi jalan Kampung Padang ...Lalang.



NA: Selalunya berapakah usia rumah tradisi?

TH: Rumah itu, lebih kurang, lebih daripada enam puluh (60) tahun.

NA: Adakah masih digunakan sehingga kini?

TH: Ya, masih didiami oleh kedua (2) suami isteri.

NA: Siapakah yang mula-mula membina rumah tradisi tersebut?

TH: (bunyi burung) Dibina oleh bapa kepada isteri Encik Pimin.

NA: Kenapa rumah tradisi tersebut dibina?

TH: Kerana menjadi kediaman (bunyi kertas) rasmi anak-anak Haji Hussin ni [ini] yang nama Puan Maniah ni [ini], isteri kepada Encik Pimin la [lah].

NA: Apakah keistimewaan rumah tradisi?

TH: Rumah tersebut ada melambangkan aa, kemelayuan.



NA: Rumah tradisi dibina menggunakan apa?

TH: Menggunakan kayu, atap zink, dan biasalah paku.

NA: Adakah terdapat, persatuan-persatuan anak-anak muda yang terdapat di Kampung Jawa ini? Seperti persatuan kompiang, silat, dan lain-lain.

TH: Kompiang masih ada, silat ni [ini] dah [sudah] kira dah [sudah] pupus sebab generasi yang memimpin ni pun dah meninggal serta anak-anak buahnya pun dah menjadi orang-orang usia emas, jadi ... generasi yang terkini tidak dapat bersama dalam anu [itu] apa seni silat.

NA: Berapakah populasi penduduk kampung termasuk penduduk taman?

TH: Lebih kurang antara kampung dan juga taman, oleh sebab taman ada tiga belas (13) taman, lebih kurang ada dua ribu empat ratus enam puluh (2460) orang.

NA: Bagaimana cara JKK kampung mempromosikan kampung ini kepada orang luar?

TH: JKK kampung telah mempromosikan kampung ini dengan cara aa dihebahkan kepada umun secara lisan dan juga secara pernah kita masukkan dalam akhbar aa keadaan Kampung Jawa ni [ini]. (bunyi meja)



NA: Soalah berkenaan musin perayaan, bagaimana keadaan kampung ini di musim perayaan pada setiap tahun?

TH: Perayaan, khususnya raya. Kalau raya memang kita ni ada mempunyai beberapa kumpulan dan biasanya kita adakan kumpulan marhabanlah selama lebih kurang sebulan. Aa bergantung kepada masa. Ikut masa.

NA: Diantara raya aidilfitri dan raya korban mana yang lebih meriah disambut disini?

TH: Sini raya puasa.

NA: Adakah Tok pernah mengadakan rumah terbuka pada hari raya aidilfitri?

TH: Ya, saya ada.

NA: Bagaimanakah keadaan ketika membuat rumah terbuka tersebut?

TH: Ada sambutan,ni [ini] maknanya semua bangsa datang.



NA: Boleh Tok nyatakan antara bantuan yang telah Tok berikan sepanjang tahun ini kepada masyarakat dan penduduk kampung ini?

TH: Banyak yang bantuan yang telah dihulurkan kepada penduduk-penduduk kampung. Terutamanya, macam usia emas kita bagi bantuan melalui JKM dan juga oleh pihak wakil rakyat sama ada dun ataupun parlimen. Selain daripada itu juga ada bantuan daripada NGO dan juga aa yang baru-baru ni [ini] saya telah mendapatkan bantuan baik pulih rumah. Baik pulih rumah ni [ini] rasanya setiap tahu dapat, tapi dalam tahun ni [ini] yang paling banyak dapat. Hampir dekat dua puluh (20) rumah yang dapat. Ada yang dah [sudah] siap, ada yang dalam proses pembaikan.

NA: Boleh Tok berikan contoh bahasa jawa yang sering digunakan dalam pertuturan harian?

TH: Satu perkataan senang je [sahaja]. Aa perkataan “monggo”. Monggo tu maknanya mari.

NA: Boleh Tok tolong ejakan perkataan “monggo mampir”?

TH: M.o.n.g.g.o. m.a.m.p.i.r. yang bermaksud mari singgah.

NA: Apakah perbezaan bahasa jawa biasa dengan bahasa jawa halus?

TH: Jauh perbezaannya yang mana bahasa jawa biasa boleh difahami ahli keluarga dan masyarakat tak [tidak] kiralah masyarakat tu [itu] melayu pun kadang ada yang boleh faham tapi bahasa jawa halus ni [ini] hanya orang-orang dewasa usia emas yang faham dan, anak-anak yang aaa pada keluarga yang bahasa anu [itu] sendiri yang boleh maham [faham]. Tak [tidak] semua masyarakat yang boleh memahaminya.



NA: Adakah Tok tahu siapa Tok Penghulu, Pegawai Daerah dan Pegawai Takbir Tanah Daerah ketika Tok menjadi Ketua Kampung?

TH: Mula-mula saya jadi ketua kampung, pegawai daerahnya ialah Yang Berbahagia Mohamad Bin Amin, kemudian aa tukar kepada Yang Berbahagia Datuk Abdul Razak Bin Hassan, kemudian Yang Berbahagia Tuan Haji Rahim Bin Nin, kemudia Ahmad Bin Ahem, kemudian Mohamad Hafiz Bin Haji Mohamad, (bunyi ayam) dan yang terkini Abdul Rahman Bin Salleh. Dan penghulunya daripada Tuan Haji Masod Bin Haji Tam, penghulu kanan (bunyi ayam) satu (1), merangkap penghulu mukim Sungai Segamat. Kemudian, Ali Affendi Bin Haji Zainal, penghulu kanan satu (1) merangkap mukim Sungai Segamat juga, kemudian lepas itu Encik Abdul Latif Bin Tukiman, penghulu kanan satu (1) merangkap penghulu mukim dan juga Encik Rasul, penghulu kanan satu (1) merangkap penghulu mukim.

NA: Kebiasaannya, atas faktor apakah seseorang itu akan dianugerahkan pingat jasa kerja?

TH: Biasanya adalah dilihat pada KPI kita sepanjang kita menjalankan tugas.

NA: KPI itu apa?

TH: Mutu kerja, maknanya segalanya urus hal kerja bawah pengurusan kita, pentadbiran kita memuaskan oleh pihak yang diatas.

NA: Apakah keistimewaan Pingat Jasa Kerja ini?

TH: Memberikan satu (1) penghargaan oleh pihak kerajaan maka kerajaan akan mencadangkan nama seseorang itu kepada pihak sultan, pihak istana dan sultan akan menganugerahkan pingat tersebut.



NA: Kampung Jawa mempunyai masjid yang boleh dijadikan daya tarikan kepada orang ramai, apakah nama masjid tersebut?

TH: Masjid Kampung Jawa ialah masjid Jannatul Firdaus, yang mana masjid ini dulu asalnya kecil. Kemudian atas kemurahan bekas penghulu mukim telah memberikan sebahagian tanah dia untuk diwakafkan untuk masjid dan juga apabila jawatan kuasa dan penduduk kampung sangat memerlukan satu (1) bangunan masjid baru dan untuk nak [hendak] buat masjid yang besar yang baru tadi dengan harga yang lebih daripada tiga juta (RM 3 juta) kita memerlukan tapak yang lebih maka diatas daya usaha JKK kampung telah berjumpa dengan keluarga bekas tok penghulu, dan beliau telah membenarkan untuk mengambil sebahagian tanah beliau untuk diambil oleh pihak masjid. Dan pihak jawatan kuasa masjid telah memberikan saguhati sebanyak RM dua ratus ribu (RM 200 0000) maka dengan itu terbinalah masjid Kampung Jawa yang ada pada hari ini yang diberi nama Jannatul Firdaus dan dirasmikan oleh yang Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor. Dan juga masjid ini telah mengadakan beberapa aktiviti sama ada diwaktu malam ataupun pada waktu siang. Pada waktu siangnya aaa hari sabtu kita adakah aa kelas kursus aa haji dan umrah peringkat daerah dan juga pada hari khamis kelas fardu ain kepada kaum-kaum ibu. Dan begitu juga di masjid Raudhatul Jannah di Kampung Padang Lalang juga banyak membuat aktivitinya. Masjid ini adalah daripada sebuah surau, maksud surau disini ialah surau solo, makna orang-orang usia emas menjalankan aktiviti beramal selama dua puluh (20) hari iaitu pada Muharam, pada bulan Muharam satu (1) hingga dua puluh (20) Muharam dan akhirnya (bunyi burung) surau itu sudah tidak ada lagi ahli-ahlinya maka dengan daya usaha saya sendiri sebagai pemimpin masyarakat telah berbincang dengan pihak surau tersebut, maka dengan persetujuan mereka dia telah menyerahkan tanah wakaf dan surau itu untuk diambil alih dan dibina sebuah masjid apa yang ada pada hari ini dan juga diberi nama Raudhatul Jannah.

NA: Adakah kampung ini mempunyai laman sosial yang digunakan untuk berkongsi maklumat berkenaan kampung Jawa?

TH: Setakat hari ini, belum ada.



NA: Soalan terakhir, okay [baiklah] apakah nasihat dan ucapan yang Atok ingin sampaikan kepada penduduk kampung sendiri ataupun masyarakat?

TH: Nasihat saya pada penduduk-penduduk ni [ini] (bunyi ketukan pen) maka tingkatkanlah daya usaha, daya pemikiran macam mana nak [hendak] memajukan diri dan ahli keluarga kerana kita akan berhadapan dengan negara maju apatah wawasan dua puluh dua puluh (2020) dah hampir sangat dengan kita, kata orang kalau dah kita mati tu [itu] dah nazar dah [sudah] aaa dah waktu maghrib. Jadi begitu lah kita yang apa saya harap anak buah saya kita nak berhadap dengan dua puluh dua puluh (2020) ni [Ini] tinggal tiga (3) tahun ja [sahaja] lagi. Aaa jadi kita tingkatkan ya, bukakan minda kita betul-betul, tingkatkan aa per perhatian kita azam kita macam mana kita nak tingkatkan ahli keluarga kita nak majukan ahli keluarga kita supaya kita dapat setaraf duduk di negara maju itu, kita sama-sama bahagia. Aaa kita tak [tidak] nak [hendak] negara kita maju tapi ia duduk dalam keadaan yang aaa, keadaan yang mengelisah maknanya kita hidup dengan miskin. Jadi kata orang kita tak [tidak] nak [hendak] *[ayam di kepuk mati kelaparan itik di air mati kehausan]* kita tak nak, pepatah itu kita nak [hendak] tolak tepi. Kita hendak orang boleh aku mesti boleh, aaa daripada sekarang lah kita bersedia tanamkan azam, (bunyi meja) semangat, cita-cita yang tinggi kita nak dapat, walaupun kita bertongkat sekali pun kita mesti usaha sampai kita betul-betul masuk dalam golongan orang yang betul masyarakat negara maju aaa barulah apa yang dirancang ye [ya], yang dirumuskan oleh pihak pemerintah kerajaan kita betul-betul aeh, menepati. Maknanya ada kerja dengan rakyat, kalau rakyat macam abah, abah buat kerja kita tengok je [sahaja] tengok susahlah, tapi abah buat kerja baik kita sama-sama sokong, bantu, Insyallah macam tu [itu] lah kita rakyat dengan kerajaan ye [ya], kita ada azam, azam itu penting orang boleh, aku mesti boleh aaa kenapa orang boleh aku tak [tidak] boleh, kita oh dia dah [sudah] kaya tak boleh kata dia kaya, dia kaya macam mana usaha. Kita macam tu [itu] juga lah, dia kaya aku nak [hendak] kaya macam dia, kalau dia berlari aku apa? berjalan ke? merangkak ke? tapi nak [hendak] tuju ke maklumat yang macam tu [itu]. Saya sendiri macam tu [itu] azam saya, aaa kalau saya awak nak [hendak] tahu rahsia hidup saya boleh cerita dalam dua (2) jam ni [ini] tapi kena cari masa lain lah macam mana susah saya hidup sampai saya senang pada hari ni [ini] saya sebab mengajar ... bahasa ke sekolah ke tegur anak murid bukan senang nak [hendak] senang, bukan susah nak [hendak] susah, betul? Haa, nak [hendak] senang sekelip mata boleh senang, nak [hendak] susah sekelip mata pun boleh susah, tak



[tidak] percaya awak dapat duit seratus ribu (RM 100 000) seratus ribu, awak belanja satu hari habis, lepas tu [itu] awak, papa kedana tapi awak dapat seratus ribu (RM 100 000) macam mana? bermandi peluh, berpanas, berhujan baru dapat haa jadi kalau kita bersenang jangan kita susahkan diri kita, kita tahu dalam harta kita yang kita cari tadi yang kita nak senang tadi di dalam ada terselit harta anak fakir miskin yang wajib kita agihkan kepada dia jangan kita tamak (bunyi meja) , jangan tamak harta, jangan tamak dunia haa kita tamak akhirat takpa [tidak mengapa] tamak akhirat kita kena banyak beribadahlah bangun tengah malam jangan tidur mimpi yang bukan-bukan, mimpi pakwe ke, bangla ke tak payah haa bangun sembahyang tahajud, itu yang terbaik, mengaji malam-malam, mengaji malam dengan siang lain pahalanya haa kalau malam awak dapat seratus (100) mungkin mengaji siang dapat sepuluh (10) pasal apa Allah Taala gantikan yang kita bangun mengantuk-mengantuk tadi pahala lebih, aaa (bunyi kertas) itu lah dia dari saya. Sekian terima kasih.

Demikian tadi, wawancara bersama Encik Haji Hassan bin Haji Sitam, ketua kampung bagi Kampung Jawa, Segamat Johor. Kami pelajar dari Falkuti Pengurusan Maklumat UiTM Segamat Johor, ingin mengucapkan jutaan terima kasih atas kesudian Encik Haji Hassan Bin Haji Sitam dalam memberi maklumat yang sangat berharga kepada kami. Semoga hasil rakaman ini akan memberi manfaat kepada pendengar dan penyelidik serta seterusnya generasi akan datang. Sekian terima kasih.

TAMAT



LOG WAWANCARA



LOG WAWANCARA

MINIT	PERKARA	YANG TERLIBAT
01:10:63 - 03:00:03	Latar Belakang	<ul style="list-style-type: none">• Encik Haji Hassan Bin Haji Sitam• Tok Hassan• 68 Tahun• Lahir pada 12/2/1949• Lahir di Batu Pahat.
03:02 :23- 4:32:33	Latar belakang keluarga	<ul style="list-style-type: none">• Anak ke 4 daripada 10 orang• Nama bapa Haji Sitam Bin Haji Long• Nama ibu Hajjah Fatimah Binti Haji Mahadi
04:33:80 – 7:15:07	Keluarga	<ul style="list-style-type: none">• Nama isteri Hajjah Ton Binti Haji Selamat• 5 orang anak
07:15:50 – 9:36:57	Latar Belakang Pendidikan	<ul style="list-style-type: none">• Darjah 1-Darjah 6• Sekolah Agama• Darjah Khas
09:41:37- 12:14:13	Kerjaya	<ul style="list-style-type: none">• 20/6/1996 sebagai guru dan guru besar• Bersara 12/2/2005• 2009 sebagai Ketua Kampung• 8 tahun• Ketua kampung ke 7• 4 buah kampung• 37 taman



12:15:37- 13:51:50	Kelayakan Ketua Kampung	<ul style="list-style-type: none">• Tamat darjah 6• Tempoh berkhidmat 69 tahun
13:53:07- 15:32:67	Aktiviti	<ul style="list-style-type: none">• Program kerajaan dan NGO• MERCY Malaysia.• KPJ• LPPKN• Kementerian Kesihatan• SIECO
15:34:67- 17:58:20	Pentadbiran	<ul style="list-style-type: none">• Kerajaan• Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Desa• Di bantu JKK dan NGO• 14 orang
17:59:30- 23:19:50	Pengalaman	<ul style="list-style-type: none">• 2012 pengalaman manis anugerahkan sijil penghargaan• 2011 pengalaman pahit dilanda banjir besar
23:22:67- 32:39:50	Sejarah	<ul style="list-style-type: none">• Penerokanya Orang Jawa• Dinamakan Kampung Jawa• Encik Meriyani bin Wardo• Wujud awal 40an• Agama Islam• Berhijrah• Kegiatan utama berkebun dan bercucuk tanam.• Penduduk awal 100 keluarga• Agama Islam
32:46:43- 39:23:67	Encik Meriyani bin Wardo	<ul style="list-style-type: none">• Bertanggungjawab membuka kampung• Asal Indonesia• Datang pada 1940• Jalan Meriyani



		<ul style="list-style-type: none">• Menaiki tongkang dan perahu• Ketua Kampung• Haji Ahmad
39:25:20- 41:24:50	Haji Ahmad	<ul style="list-style-type: none">• Pengganti Ketua Kampung• Bersara pada 1970• 10-15 tahun
41:26:27- 42:41:10	Lawatan Sultan Johor	<ul style="list-style-type: none">• 2012 Lawatan berbuka puasa• 2013 Merasmikan masjid Raudhatul Firdaus
42:47:10- 44:17:83	Penjajahan	<ul style="list-style-type: none">• Kesan komunis• Keadaan kampung• Masalah perkauman
44:19:27- 47:59:27	Banjir	<ul style="list-style-type: none">• Banjir teruk 2011• Pusat pemindahan• Kemudahan penginapan dan bekalan.• Lokasi tempat pemindahan
48:02:67- 49:11:00	Unit Bantuan	<ul style="list-style-type: none">• Bomba• Askar• Polis• RELA• JPAM
49:15:47- 51:22:00	Masalah Lain	<ul style="list-style-type: none">• PATI• Kejadian jenayah
51:22:03- 54:38:83	Ekonomi	<ul style="list-style-type: none">• Taraf ekonomi• Peluang Pekerjaan



54:38:90- 59:57:17	Pertanian Perusahaan	<ul style="list-style-type: none">• Getah• Kelapa sawit• Tanaman kontan• Tanaman tahunan• Kerepek• Homestay• IKS• Usahawan
59:57:73- 1:07:40	Kaum, Budaya, dan Perayaan Bahasa	<ul style="list-style-type: none">• Adat• Bahasa Jawa• Peraturan kaum• Gotong royong• Makanan Tradisional
1:07:45- 1:13:00	Pendidikan	<ul style="list-style-type: none">• Taraf pendidikan• Sekolah• Infrastruktur
1:13:02- 1:21:10	Keistimewaan	<ul style="list-style-type: none">- Warung Wageh- Soto- Sungai Kape- Masjid Raudhahtul Firdaus
1:21:17- 1:21:48	Pembangunan	<ul style="list-style-type: none">- Dewan- Klinik- Tadika- Balai Islam- Padang Futsal.- Peruntukan
1:21:50- 1:24:44	Perubahan di Kampung Jawa	<ul style="list-style-type: none">- Sebelum dan selepas memegang jawatan Ketua Kampung



		<ul style="list-style-type: none">- Keadaan Jalan- Projek baik pulih jalan
1:24:45- 1:25:58	Peruntukkan	<ul style="list-style-type: none">- MARRIS- KKLW
1:26:00- 1:30:32	Parlimen	<ul style="list-style-type: none">- Pemanis Utama- Kemelah- Jementah
1:30:45- 1:31:42	Pengangkutan	<ul style="list-style-type: none">- Bas Muafakat Johor
1:31:43- 1:32:16	Jelajah Johor	<ul style="list-style-type: none">- Sumbangan
1:32:18- 1:33:08	Pencapaian Kampung	<ul style="list-style-type: none">- Naib Johan peringkat daerah- Naib Johan Mukim Sungai Segamat
1:33:12- 1:34:10	Anak Jati kampung	<ul style="list-style-type: none">- Dato' Haji Ahmad Sujia Bin Haji Bon- Encik Jamal Bin Osman
1:34:14- 1:35:45	Jawatan lain dipegang	<ul style="list-style-type: none">- Penasihat kepada masjid-masjid dan surau.- Jawatankuasa AADK- Jawatankuasa kewangan PKAYIS- Penasihat bawah pertubuhan KOSPEN, Bulan Sabit, Rela
1:35:54- 1:36:38	Anugerah yang diperolehi	<ul style="list-style-type: none">- P.I.S 2- Cemerlang KKPI- Anugerah Tokoh Guru- Tokoh Guru Peringkat Daerah
1:37:14- 1:38:11	Mengatasi masalah PATI	<ul style="list-style-type: none">- Pihak Imigresen
1:38:13- 1:42:25	Tamat Perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none">- 2019
1:42:27- 1:43:07	Rancangan memajukan kampung	<ul style="list-style-type: none">- JPS- JKR



1:43:09- 1:45:10	Pandangan terhadap kampung	Peningkatan: <ul style="list-style-type: none">- Masjid- Klinik- Balai islam- Surau- Dewan Serbaguna- Jalan bertar- Lampu jalan
1:45:13- 1:47:21	Ladang dan Dusun	<ul style="list-style-type: none">- Kelapa sawit- Durian- Rambutan
1:47:24- 1:49:02	Rumah Tradisi	<ul style="list-style-type: none">- Encik Pimin Bin Adam- Puan Maniah Binti Haji Hussin- Yang Berbahagia Datuk Abdul Razak Bin Hassan- Di Kampung Padang Lalang- Usia rumah lebih 60 tahun
1:49:05- 1:49:37	Persatuan dan Kelab	<ul style="list-style-type: none">- Kompang- Silat
1:49:39- 1:49:55	Populasi penduduk	<ul style="list-style-type: none">- Lebih kurang 2460 orang
1:50:57- 1:50:27	Promosi kampung	<ul style="list-style-type: none">- Hebahan lisan- Akhbar
1:50:30- 1:51:18	Musim perayaan	<ul style="list-style-type: none">- Aktiviti Marhaban- Rumah terbuka
1:51:19- 1:52:14	Bantuan	<ul style="list-style-type: none">- Baik pulih rumah
1:52:16- 1:53:16	Perkataan Jawa	<ul style="list-style-type: none">- Monggo mampir
1:53:18- 1:54:55	Penghulu, Pegawai Daerah dan Paegawai Takbir daerah.	<ul style="list-style-type: none">- Yang Berbahagia Mohamad Bin Amin- Yang Berbahagia Datuk Abdul Razak Bin Hassan



		<ul style="list-style-type: none">- Yang Berbahagia Tuan Haji Rahim Bin Nin- Ahmad Bin Ahem- Mohamad Hafiz Bin Haji Mohamad- Abdul Rahman Bin Salleh- Tuan Haji Masod Bin Haji Tam- Ali Affendi Bin Haji Zaina- Encik Abdul Latif Bin Tukiman- Encik Rasul
1:54:56- 1:55:43	Pingat Jasa Kerja dan KPI	<ul style="list-style-type: none">- Menghargai jasa
1:55:45- 1:58:53	Masjid dan Surau	<ul style="list-style-type: none">- Jannatul Firdaus- Raudhatul Jannah
1:58:13- 1:59:01	Laman sosial	<ul style="list-style-type: none">- Tiada
1:59:02- 2:02:58	Ucapan dah Harapan	<ul style="list-style-type: none">- Tingkatkan dan buka minda- Majukan keluarga- Beribadah



BIODATA TOKOH



BIODATA TOKOH



NAMA : HAJI HASSAN BIN HAJI SITAM

UMUR : 68 TAHUN

TEMPAT LAHIR : BATU PAHAT, JOHOR

PEKERJAAN/KERJAYA : KETUA KAMPUNG JAWA dan BEKAS GURU

NAMA ISTERI : HJH. FATIMAH BIN HJ.MAHADI

BILANGAN ANAK : 5 ORANG

ALAMAT RUMAH : LOT 5008, JALAN SULAIMAN, KG LOGAH 85000
SEGAMAT JOHOR

PENDIDIKAN : SEKOLAH KEBANGSAAN PARIT KEMANG,
SENGGARANG BATU PAHAT JOHOR

SEKOLAH AGAMA KEBANGSAAN PARIT KEMANG
SENGGARANG BATU PAHAT, JOHOR (NEGERI
KERAJAAN JOHOR)

SEKOLAH AGAMA DI SEGAMAT



BIODATA PENEMUBUAL



BIODATA PENEMEBUAL

Biodata Penemubual 1



NAMA : SAIDATUL AMERA BINI AYUB
NO UiTM : 2016648576
TARIKH LAHIR : 10 DECEMBER 1994
TEMPAT LAHIR : PARIT BUNTAR, PERAK
ALAMAT RUMAH : NO 26 PARIT HAJI ALI, KEDAI DUA, 34350 KUALA KURAU PERAK



Biodata Penemebual 2



NAMA : NOOR AMALINA BINTI MOHD IDRUS

NO UiTM : 2016648584

TARIKH LAHIR : 29 JUNE 1995

TEMPAT LAHIR : PARIT BUNTAR, PERAK

NO TELEFON : 016 - 4293095

ALAMAT RUMAH : NO 52, JALAN MOHD SHARIFF, 34950 BANDAR BAHARU,
KEDAH



SENARAI SOALAN WAWANCARA



SENARAI SOALAN WAWANCARA

1. Boleh Encik berikan nama penuh?
2. Adakah Encik mempunyai apa apa gelaran?
3. Bolehkah kami menggunakan gelaran ini semasa sesi tembual dijalankan ?
4. Berapakah umur Tok sekarang ?
5. Bilakah tarikh lahir Tok?
6. Dimana tempat kelahiran Tok?
7. Adakah Tok merupakan anak jati kampung ini ?
8. Bilakah tahun Tok berpindah ke sini ?
9. Apakah aktiviti yang Tok lakukan di waktu lapang?
10. Sudah berapa lama Tok menetap disini ?
11. Adakah terdapat sebarang perubahan sejak Tok menetap disini ?
12. Bagaimanakah keadaan kampung ini semasa Tok baru berpindah kesini?
13. Boleh Tok ceritakan serba sedikit latar belakang keluarga?
14. Adakah ibu dan bapa Tok merupakan anak jati kampung ini ?
15. Adakah ibu bapa Tok tinggal sekali atau berjauhan?
16. Adakah adik beradik Tok tinggal di kampung ini ataupun berjauhan?
17. Apakah pekerjaan yang mereka lakukan sekarang?
18. Soalan seterusnya,apakah nama isteri ?
19. Bolehkan Tok ceritakan serba sedikit tentang isteri Tok.
20. Tok mempunyai berapa orang anak?
21. Bolehkan Tok ceritakan serba sedikit tentang latar belakang anak Tok?
22. Apakah pekerjaan yang dilakukan oleh anak anak Tok?
23. Adakah anak-anak Tok menetap di Kampung ini?
24. Kemudian, bolehkan Tok ceritakan bagaimana ibu bapa Tok menerapkan pendidikan awal sejak kecil?
25. Bolehkan Tok ceritakan latar belakang pendidikan Tok?
26. Pada tahun berapakah Tok menamatkan pendidikan disekolah rendah?
27. Selepas tamat persekolahan adakah Tok meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi?
28. Apakah pekerjaan pertama yang Tok lakukan selepas tamat belajar?
29. Apakah pengalaman Tok sebagai guru yang boleh dikongsikan?
30. Apakan jawatan tinggi yang pernah disandang dalam kerjaya?



31. Bilakah Tok tamat berkhidmat sebagai guru?
32. Bilakan Tok mula berkhidmat sebagai Ketua Kampung Jawa?
33. Berapa lama Tok telah berkhidmat sebagai ketua kampung?
34. Berapa buah kampung dan taman dibawah jagaan Tok ?
35. Sebelum menjadi sebagai ketua kampung, adakah Tok memegang apa-apa jawatan dalam Jawantankuasa kampung ini?
36. Bagaimanakah Tok boleh dipilih sebagai Ketua Kampung?
37. Untuk menyandang jawatan ketua kampung adakah terdapat sebarang kelayakan yang perlu diambil kira?
38. Tok merupakan Ketua Kampung yang ke berapa untuk kampung ini?
39. Adakah Tok memang bercita cita ingin menjadi Ketua Kampung?
40. Apa yang mendorong untuk menyandang dan menerima jawatan sebagai Ketua Kampung?
41. Adakah ahli keluarga Tok ada yang menjadi Ketua Kampung atau memegang apa-apa jawatan dalam jawatan kuasa kampung?
42. Kebiasaanya, berapa lamakah tempoh bagi seseorang itu untuk memegang jawatan ataupun berkhidmat sebagai Ketua Kampung?
43. Bolehkah Tok ceritakan secara ringkas peranan yang dimainkan oleh ketua kampung dan apa bidang kuasanya?
44. Adakah Tok mengekalkan cara pentadbiran Kampung seperti sebelumnya, atau Tok ada melakukan perubahan? Jika ada sila nyatakan.
45. Adakah Tok dibantu oleh penolong ataupun Ahli Jawatan Kuasa dalam melaksanakan tugas sebagai Ketua Kampung?
46. Berapakah Ahli Jawatan Kuasa dibawah Tok?
47. Apakah aktiviti dan program yang sering dijalankan oleh Kampung?
48. Adakah aktiviti dan program yang dijalankan mendapat sokongan dan penglibatan yang menggalakkan daripada penduduk? (generasi muda atau generasi lama)
49. Seterusnya, ceritakan serba sedikit tentang pengalaman manis sepanjang memegang jawatan sebagai Ketua Kampung?
50. Bagaimana pula dengan kenangan pahit yang telah dilalui?
51. Bolehkah Tok menceritakan sejarah awal Kampung Jawa?
52. Pada tahun bilakah kampung ini diwujudkan?
53. Siapakah yang bertanggungjawab membuka kampung ini?



54. Mengapakah kampung dinamakan Kampung Jawa?
55. Siapakah yang memberi nama Kampung Jawa?
56. Adakah kampung ini mempunyai nama lain selain Kampung Jawa?
57. Adakah kampung ini menyimpan apa-apa sejarah atau mitos? Jika ada sila ceritakan.
58. Siapakah penduduk terawal Kampung Jawa?
59. Pada awal pembukaan kampung ini, majoriti penduduk disini adalah berasal dari Jawa, Indonesia. Bagaimana orang Jawa datang kesini pada ketika itu?
60. Apakah tujuan orang Jawa datang ke sini?
61. Soalan seterusnya, apakah kegiatan utama orang Jawa pada awal kedatangan ke sini?
62. Berapakah anggaran bilangan orang Jawa pada awal pembukaan kampung ini?
63. Berapa pula jumlah orang Jawa yang masih tinggal disini sekarang?
64. Orang Jawa yang datang pada awal pembukaan Kampung beragama apa?
65. Siapakah yang merasmikan pembukaan Kampung Jawa?
66. Berapakah keluasan kampung ini ketika itu?
67. Berapakah anggaran jumlah penduduk dikampung ini semasa kampung ini mula dibangunkan?
68. Adakah penduduk kampung terdiri daripada pelbagai bangsa ketika itu?
69. Kebanyakan penduduk beragama apa ketika itu?
70. Siapakah sebenarnya Tok Mariyani bin Warto, boleh ceritakan serba sedikit tentang latar belakang beliau?
71. Tok Mariyani berasal dari mana?
72. Tahun bilakah beliau mula datang ke Semenanjung?
73. Bagaimanakah Tok Mariani datang ke Semenanjung dan mengapa beliau datang ke sini?
74. Siapakah yang telah memberi tanah kepada beliau untuk membuka kampung disini?
75. Berapa lamakah beliau menjadi Ketua kampung Jawa?
76. Selain menjadi orang penting dalam pembukaan kampung, apakah sumbangan Tok Mariani?
77. Apakah pembaharuan yang telah dilakukan oleh beliau di kampung ini?
78. Adakah ketika datang kesini Tok Mariani telah mendirikan rumah tangga?
79. Siapakah nama isteri beliau?
80. Tok Mariani mempunyai berapa orang waris?
81. Siapakah waris Tok Mariani yang masih berada di kampung ini?



82. Siapakah yang memegang jawatan Ketua kampung ini setelah ketiadaan Tok Mariani?
83. Boleh ceritakan secara ringkas tentang beliau? (tahun lahir, keluarga, pendidikan)
84. Bilakah Haji Ahmad mula memegang jawatan sebagai Ketua kampung?
85. Berapa lamakah beliau memegang jawatan tersebut?
86. Haji Ahmad telah dikurniakan Pingat Jasa Kerja (P.J.K) oleh Sultan Johor untuk mengenang jasa dan baktinya. Adakah sehingga sekarang Kampung ini sering dilawati oleh Kerabat Johor?
87. Apakah program yang sering dijalankan oleh Kampung Jawa dan melibatkan Kerabat Johor?
88. Seterusnya, adakah kampung ini pernah dijajah?
89. Siapakah yang telah menjajah Kampung ini?
90. Berapa lama kampung ini dijajah?
91. Adakan di Kampung ini masih ada kesan peninggalan daripada penjajahan?
92. Kesan penjajahan komunis adakan penduduk menghadapi masalah perkauman?
93. Apakah tindakan yang diambil untuk memastikan keselamatan kampung dan penduduk?
94. Kampung ini sering dilanda banjir, apakah faktor utama yang menyebabkan banjir di kampung ini?
95. Apakah kemudahan yang disediakan apabila berlakunya banjir?
96. Dimanakah lokasi mangsa banjir ditempatkan?
97. Tahun bilakah banjir teruk berlaku di kampung ini? Boleh ceritakan serba sedikit.
98. Kebiasaanya, berapa lamakah banjir berlaku dan tempoh yang diambil untuk surut sepenuhnya?
99. Berapakah kawasan yang terlibat?
100. Adakah kampung ini mempunyai pasukan keselamatan tersendiri?
101. Apakah unit bantuan yang terlibat dalam membantu mangsa banjir di kampung ini ? (bomba, askar, polis, rela, etc).
102. Berapakah anggaran kerugian yang dihadapi apabila berlakunya banjir?
103. Selain banjir, apakah masalah-masalah lain yang dihadapi penduduk kampung ini?
104. Apakah bencana yang berkemungkinan berlaku di Kampung ini berdasarkan bentuk muka bumi disini?
105. Apakah masalah-masalah lain yang sering melanda penduduk kampung?



106. Adakah di kampung ini pernah berlaku kejadian jenayah besar seperti pembunuhan atau rompakan?
107. Adakah kegiatan ekonomi penduduk asal kampung Jawa pada awal pembukaan kampung?
108. Sekarang, adakah kegiatan sosio ekonomi kebanyakan penduduk disini?
109. Boleh Tok gambarkan secara ringkas keadaan ekonomi penduduk kampung Jawa pada masa kini boleh dikategorikan sebagai berada, sederhana, atau miskin?
110. Adakah disini mempunyai peluang pekerjaan yang luas?
111. Penduduk di kampung ini terlibat dalam sektor apa? (Pertanian, perniagaan, industri)
112. Adakah penduduk yang mengusahakan pasaraya atau kedai didalam kampung ini? Jika ada sila nyatakan.
113. Adakan terdapat penduduk yang menghasilkan produk buatan mereka sendiri dan dipasarkan? Boleh ceritakan sedikit.
114. Adakah penduduk dari kampung ini yang telah menjadi usahawan berjaya?
115. Adakah penduduk yang mengusahakan perkhidmatan seperti homestay untuk orang luar yang datang ke sini?
116. Kebanyakan anak muda dikampung ini bekerja disini atau berhijrah ke tempat lain?
117. Kebanyakan orang luar yang datang kesini bekerja dalam bidang apa?
118. Berdasarkan pemerhatian kami, kampung ini mempunyai tanah yang subur. Adakah penduduk Kampung menggunakan keistimewaan ini untuk melakukan aktiviti bercucuk tanam?
119. Tanaman apakah yang menjadi pilihan penduduk untuk bercucuk tanam?
120. Adakah tanaman penduduk diserang oleh serangga atau binatang perosak?
121. Adakan orang Jawa yang berpindah ke sini membawa adat dan budaya mereka?
122. Adakah penduduk disini yang masih mengamalkan adat dan budaya dari Jawa, Indonesia? Jika ada, boleh ceritakan sedikit.
123. Apakah loghat atau dialek pertuturan yang digunakan oleh orang Jawa?
124. Adakah masih digunakan sehingga kini?
125. Sekarang penduduk kampung Jawa terdiri daripada pelbagai bangsa. Sejak bilakah kampung ini mula didiami oleh orang Melayu, Cina dan India?
126. Berapakah peratusan orang Melayu, Cina dan India di kampung ini?



127. Bagaimanakah penduduk disini mewujudkan keharmonian yang baik sesama kaum?
128. Sekiranya terdapat majlis melibatkan semua kaum dimanakah majlis akan diadakan?
129. Adakah penduduk masih mengamalkan amalan kunjung mengunjungi pada musim perayaan?
130. Selain perayaan, adakah penduduk masih mengamalkan amalan bergotong royong atau rewang jika ada apa-apa majlis?
131. Adakah penduduk kampung Jawa mempunyai makanan tradisional mereka tersendiri? Jika ada sila nyatakan.
132. Seterusnya berkaitan pendidikan, secara puratanya adakah penduduk kampung ini mendapat pendidikan yang sepatutnya?
133. Masih adakah anak-anak sekarang yang tercicir pelajaran?
134. Adakah kemudahan sekolah terdapat di kawasan Kampung Jawa?
135. Jika ada sila nyatakan sekolah apa dan berapa banyak sekolah disini?
136. Berapakah jarak dari kampung ini ke sekolah?
137. Adakah sekolah disini menyediakan insfrastuktur yang cukup dan selesa kepada pelajar?
138. Apakah kemudahan dan usaha lain yang disediakan untuk meningkatkan taraf pendidikan penduduk kampung? (kelas mengaji, komputer)
139. Apakah keistimewaan dan keunikan Kampung Jawa?
140. Adakah kampung ini mempunyai tempat-tempat yang menarik? Boleh ceritakan.
141. Dikampung ini popular dengan kedai makan WakGey yang menjadi daya penarik untuk orang luar datang. Bilakah kedai makan ini mula dibuka?
142. Selain itu, apakan yang menarik orang luar datang ke kampung ini?
143. Apakah yang menjadi faktor kepada orang luar dari kawasan ini untuk menetap disini?
144. Kampung Jawa mempunyai masjid yang boleh menjadi daya tarikan kepada orang ramai. Apakah nama masjid tersebut?
145. Bilakah masjid tersebut telah dibina?
146. Siapakah yang bertanggungjawab untuk menubuhkan masjid ini?
147. Adakah masjid ini menjadi mercu tanda Kampung Jawa?



148. Selain tempat menjadi tempat beribadat, apakah kemudahan yang terdapat di masjid ini?
149. Apakah keistimewaan masjid ini?
150. Dari mana masjid ini mendapat nama?
151. Dimana lokasi masjid tersebut?
152. Siapakah yang telah merasmikan masjid?
153. Bila masjid ini dirasmikan?
154. Adakah kampung Jawa mempunyai masjid yang lain?
155. Berapakah anggaran keluasan masjid ini?
156. Berapakah kos perbelanjaan masjid ini?
157. Adakah masjid ini mendapat tajaan daripada mana-mana individu?
158. Adakah terdapat AJK dalam penubuhan masjid ini?
159. Siapakah imam masjid ini?
160. Di kawasan manakah dalam Kampung Jawa yang telah mengalami perubahan besar dari segi teknologi dan pembangunan?
161. Boleh ceritakan secara ringkas perbandingan keadaan Kampung Jawa pada awal pembukaan sehingga kini?
162. Bagaimana pula keadaan jalan-jalan di Kampung sebelum ini dan sekarang?
163. Adakah kampung ini sedang dalam perancangan untuk dimajukan lagi?
164. Ada berapa jalan di kampung Jawa?
165. Darimana datangnya peruntukan untuk membaik pulih jalan?
166. Siapa yang terlibat dalam projek membaili jalan-jalan di kampung ini?
167. Kampung Jawa berada dibawah parlimen apa?
168. Seterusnya, berapakah anggaran jarak dari Kampung Jawa ke bandar ?
169. Adakah perkhidmatan pengangkutan awam ada disediakan untuk penduduk bergerak ke bandar?
170. Adakah kampung ini pernah memenangi apa-apa anugerah atau mendapat pengiktirafan?
171. Siapakah antara anak jati kampung ini yang telah berjaya dan dikenali orang ramai?
172. Boleh terangkan jawatan yang dipegang oleh ketua kampung secara terperinci?
173. Apakah anugerah yang diterima semasa berkhidmat sebagai guru?
174. Apakah anugerah yang diterima ketika berkhidmat sebagai ketua kampung?



175. Bagaimanakah Tok mengatasi masalah PATI?
176. Adakah kampung ini terlibat dalam program jelajah Johor?
177. Bilakah perkhidmatan Tok sebagai Ketua Kampung akan tamat?
178. Adakah Tok boleh menyambung lagi perkhidmatan selepas pada tahun 2019?
179. Adakah Kampung Jawa mempunyai rumah tradisi? Jika masih ada boleh ceritakan serba sedikit berkenaan rumah tradisi berkenan.
180. Dimanakah lokasinya?
181. Selalunya berapakah usia rumah tradisi?
182. Adakah masih digunakan sehingga kini?
183. Siapa yang mula-mula membina rumah tradisi tersebut?
184. Kenapa rumah tradisi tersebut dibina?
185. Apakah keistimewaan rumah tradisi?
186. Rumah tradisi dibina menggunakan apa?
187. Adakah terdapat persatuan anak-anak muda di Kampung Jawa ini seperti kompong, silat dan lain-lain?
188. Berapakah populasi penduduk kampung dan juga taman?
189. Bagaimanakah cara JKK kampung mempromosikan kampung ini kepada orang luar?
190. Soalan berkenaan perayaan, bagaimanakah keadaan kampung ini di musim perayaan pada setiap tahun?
191. Diantara raya aidilfitri dan raya korban mana yang lebih meriah disambut di sini?
192. Adakah Tok pernah mengadakan rumah terbuka pada hari raya aidilfitri?
193. Boleh tok nyatakan antara bantuan yang tela Tok berikan sepanjang tahun ini kepada masyarakat dan penduduk kampung ni?
194. Boleh Tok berikan contoh bahasa Jawa yang sering digunakan dalam pertuturan harian?
195. Apakah perbezaan bahasa Jawa halus yang Tok maksudkan? Boleh berikan contoh?
196. Adakah Tok tahu siapa Tok penghulu, pegawai daerah, dan pegawai takbir tanah daerah semasa Tok mula menjadi ketua kampung?
197. Kebiasaannya, atas faktor apakah seseorang itu akan dianugerahkan Pingat Jasa Kerja?
198. Apakah keistimewaan pingat jasa kerja ini?



199. Kampung Jawa mempunyai masjid yang boleh dijadikan daya tarikan kepada orang ramai, apakah nama masjid tersebut?
200. Boleh Tok terangkan asal usul kedua-dua masjid tersebut?
201. Masjid manakah yang lebih aktif dalam mengadakan aktiviti?
202. Tok ada sedikit pendapat atau pandangan tentang Kampung Jawa dulu dan sekarang.
203. Apakah nasihat dan ucapan yang Tok ingin sampaikan?



RALAT



RALAT

Ketika temubual ini dijalankan terdapat beberapa jenis ralat yang tidak dapat dielakkan. Berikut adalah beberapa jenis ralat yang telah dirakamkan secara tidak langsung.

- Bunyi barang di atas meja
- Bunyi geseran meja
- Bunyi meja
- Bunyi cicak
- Bunyi ayam
- Bunyi barang
- Bunyi kertas
- Bunyi kertas diselak
- Bunyi kertas terkena meja
- Bunyi berdehem
- Bunyi angin
- Bunyi pen
- Bunyi batuk
- Bunyi burung

Walau bagaimanapun, temubual kami bersama Encik Haji Sitam Bin Haji Hassan Bin Haji Sitam berjalan dengan lancar dan dengan jayannya. Ralat tersebut tidak mengganggu kerana suara Encik Haji Hassan Bin Haji Sitam masih jelas dan kuat untuk didengari.



SENARAI RUJUKAN



SENARAI RUJUKAN

Aisyam Muddin. Sejarah dan Warisan Segamat. Merujuk

<https://web.facebook.com/groups/Segamathistoryclub/>

Drs. Ungku Mohd Zaman Tahir (1996), *Segamat sejarah dan mitos*, Kelantan: Al-Kafilah Enterprise.

Haji Hassan Bin Haji Sitam. (2017, December 6). *Ditemuramah* oleh Saidatul Amera Ayub, & Noor Amalina Mohd Idrus. Johor: Universiti Teknologi Mara Segamat.



NAMA SINGKATAN

**NAMA SINGKATAN****SINGKATAN**

Terdapat singkatan perkataan sepanjang sesi temubual yang dijalankan Encik Haji Hassan Bin Haji Sitam tentang sejarah Kampung Jawa. Antaranya adalah:

IKS	Industri Kecil dan Sederhana
NGO	Non-Government Organization
RELA	Jabatan Sukarelawan Malaysia
JPAM	Jabatan Pertahanan Awam Malaysia
PATI	Pendatang Tanpa Izin
PT3	Penilaian Tingkatan Tiga
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
UMNO	United Malaya National Organization @ Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
PM	Perdana Menteri
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran
KKLW	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah
KAMPAALLAH	Kampung Abdullah
DAP	Demoractic Action Party
K	Kelipatan Dari Angka Ribu
TEKUN	Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga
KM	Kilometer
SIRIM	Scientific and Industrial Research Institute of Malaysia
AADK	Agensi AntiDadah Kebangsaan
PKAYIS	Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim Islam Segamat
KOSPEN	Komuniti Sihat Perkasa Negara
P.I.S	Pingat Jasa Setia



KPI	Key Performance Indicators
TN50	Trasformasi Nasional 2050
JKR	Jabatan Kerja Raya
JKK	Jawatankuasa Kampung
AJK	Ahli Jawatan Kuasa
KPJ	Kumpulan Perubatan Johor
P.J.K	Pingat Jasa Kerja
MERCY	Malaysian Medical Relief Society
LPPKN	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
MARRIS	Malaysian Road Record In System
KKPI	Keterampilan Komputer dan Pengelolaan Informasi
SIECO	Nama badan agensi berpusat di Australia




LAMPIRAN



LAMPIRAN



Gambar 1: Bersama Ketua Kampung Jawa Tok Hassan dan cucu-cucunya



Gambar 2: Masjid Jannatul Firdaus Kampung Jawa



Gambar 3: Masjid Raudhatul Firdaus Padang Lalang



Gambar 4: Sekolah Kebangsaan Kampung Jawa



Gambar 5: Tadika Perpaduan Kampung Jawa



Gambar 6: Klinik Desa Kg. Jawa



Gambar 7: Sekolah Agama Kg Jawa



Gambar 8: Pusat Sumber Kampung Jawa



Gambar 9: Balai Islam dijadikan sebagai tempat penempatan mangsa banjir



Gambar 10: Merupakan Balai Raya Kampung Jawa



Gambar 11: Papan tanda jalan Meriyani, sempena nama orang yang membuka Kg. Jawa



Gambar 12: Warung Soto Wageh yang menjadi tarikan di Kampung Jawa



Gambar 13



Gambar 14

Gambar 13 dan Gambar 14: Rumah Tradisi yang masih ada di Kampung Jawa




INDEKS

MILEAGE CHART KAMPUNG JAWA



	WEEK 1 (10/9 - 16/9)	WEEK 2 (17/9 - 23/9)	WEEK 3 (24/9 - 30/9)
i. Early Stage Identify the theme of project			
Decide the topic		18/9/2017 18/9/2017	28/9/2017 28/9/2017
Search and collect the details about the topic			
a) Internet searching			
b) Mini research			
ii. Interview session Contact personal incharge for this project			
Set date to be interview			
Preliminary task (First interview)			
Question development			
a) Category (Introduction)			
b) Consultation			
c) Approval of question			
d) Restructuring			
Discussion with lecturer on questions			
Send questions that will be interviewed to individual			
Interview the individual (Second interview)			
iii. Final work Recording			
Prepared transcript			
Editing			
Proof reading			
Project submission			

MILEAGE CHART KAMPUNG BUKIT TUNGGAL




	WEEK 4 (1/10 - 7/10)	WEEK 5 (8/10 - 14/10)	(15/10 - 21/10)
i. Early stage			
Identify the theme of project			
Decide the topic			
Search and collect the details about this topic			
a) Internet searching	1/10/2017 4/10/2017	9/10/2017 14/10/2017	
b) Mini research	1/10/2017 4/10/2017	9/10/2017 14/10/2017	
ii. Interview session			
Contact personal incharge for this project			
Set date to be interview			
Preliminary task (First interview)			
Question development			
a) Category (Introduction)			
b) Consultation			
c) Approval of question			
d) Restructuring			
Discussion with lecturer on questions			
Send questions that will be interviewed to individual			
Interview the individual (Second interview)			
iii. Final work			
Recording			
Prepared transcript			
Editing			
Proof reading			

S
E
M
E
S
T
I
V
E

B
R
E
A
K

MILEAGE CHART KAMPUNG JAWA



	WEEK 6 (22/10 - 28/10)	WEEK 7 (29/10 - 4/11)	WEEK 8 (5/11 - 11/11)
i. Early stage			
Identify the theme of project			
Decide the topic			
Search and collect the details about this project			
a) Internet searching	27/10/2017		
b) Mini research	28/10/2017		
ii. Interview session	27/10/2017		
Contact personal incharge for this project			
Set date to be interview		4/11/2017	
Preliminary task (First interview)		4/11/2017	
Question development			
a) Category (Introduction)			
b) Consultation			
c) Approval of question			
d) Restructuring			
Discussion with lecturer on questions			
Send questions that will be interviewed to individual			
Interview the individual (Second interview)			
iii. Final work			
Recording			
Prepared transcript			
Editing			
Proof reading			
Project submission			

MILEAGE CHART KAMPUNG BUKIT TUNGGAL



	WEEK 9 (12/11 - 18/11)	WEEK 10 (19/11 - 25/11)	WEEK 11 (26/11 - 2/12)
i. Early stage Identify the theme of project			
Decide the topic			
Search and collect the details about this project			
a) Internet searching			
b) Mini research			
ii. Interview session			
Contact personal incharge for this project			
Set date to be interview			
Preliminary task (First interview)			
Question development			
a) Category (Introduction)			
b) Consultation			
c) Approval of question			
d) Restructuring			
Discussion with lecturer on questions			
Send questions that will be interviewed to individual			
Interview the individual (Second Interview)			
iii. Final work			
Recording			
Prepared transcript			
Editing			
Proof reading			
Project submission			

MILEAGE CHART KAMPUNG JAWA



	WEEK 12 (3/12 - 9/12)	WEEK 13 (10/12 - 16/12)	WEEK 14 (17/12 - 23/12)
i. Early stage			
Identify the theme of project			
Decide the topic			
Search and collect the details about this project			
a) Internet searching			
b) Mini research			
ii. Interview session			
Contact personal incharge for this project			
Set date to be interview			
Preliminary task (First interview)			
Question development			
a) Category (Introduction)			
b) Consultation			
c) Approval of question			
d) Restructuring			
Discussion with lecturer on questions			
Send questions that will be interviewed to individual			
Interview the individual (Second interview)			
iii. Final work			
Recording	6 - 9/12/2017	10 - 15/12/2017	
Prepared transcript	6 - 9/12/2017	10 - 15/12/2017	
Editing	6 - 9/12/2017	10 - 15/12/2017	
Proof reading	6 - 9/12/2017	10 - 15/12/2017	
Project submission		16/12/2017	21/12/2017

**INDEKS****A**

AJK, 13

Anggaran, 19, 28, 42, 47

B

Batu Pahat, 6, 8

Banjir, 16, 26, 27, 28, 40, 41, 53

Bahasa Jawa, 34, 58

C

Cemerlang, 16, 50

D

Datuk Haji Ayub, 12

Desa, 14, 53

Dunlop, 19

E

Encik Meriyani, 17, 18, 19, 20, 21, 22, 23, 42, 44, 47

Ekonomi, 22, 29,

F

Faktor, 13, 26, 39, 59

G

Guru, 10, 11, 12, 33, 50

Getah, 11, 22, 30, 32, 53

H

Haji Hassan Bin Haji Sitam, 5, 62

Haji Parman bin Haji Taib, 23

Haji Ahmad, 23, 24, 42, 43

I

Indonesia, 18, 21, 29

J

Jabatan Agama, 9

Jawatan kuasa, 12, 13, 14, 23, 39, 40, 42, 60

K

Kementerian, 9, 14, 37, 45

Keistimewaan, 32, 38, 40, 59

L

LPPKN, 14

Logah 5, 16, 26, 27, 42, 44, 53

M

MERCY, 14

Malaysia, 14, 18, 19, 21

Monggo Mampir, 58

N

NGO, 14, 15, 53, 58

P

Program, 14, 15, 16, 48, 51, 54

Padang Lalang, 41, 42, 44, 48, 52, 53 60

R

Raudhatul Firdaus, 24, 39

Rumah Tradisi, 54, 55



S

Sekolah Kebangsaan Kampung Jawa, 16, 27,
37

Sungai Segamat, 16, 23, 24, 26, 48, 59

Sumbangan, 22, 46, 48,

T

Tanaman kontan, 22, 30, 32, 54

Tongkang, 18, 21

U

Universiti, 49

W

Wageh, 38,